

Bil. 34

**Isnin
15 Julai 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
Mesyuarat Dewan Rakyat—Penambahan Hari	[Ruangan 1]
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	[Ruangan 1]
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1996	[Ruangan 17]
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) 1996	[Ruangan 51]
USUL:	
Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1996	[Ruangan 54]
Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat 16(3)	[Ruangan 56]
UCAPAN PENANGGUHAN:	
—Permenonan Paip Air Awam Untuk 5 Kampung Di Tanjung Kidurong, Bintulu, Sarawak	
—Y.B. Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)	[Ruangan 56]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO'
SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S.,
S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR,
D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, D.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).

- Yang Berhormat PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

- Yang Berhormat TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 15hb Julai, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN
YANG DI-PERTUA

MESYUARAT DEWAN RAKYAT—
PENAMBAHAN HARI

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis supaya mesyuarat Dewan Rakyat dilanjutkan dua hari lagi iaitu pada hari Selasa, 30hb Julai 1996 dan Rabu, 31hb Julai 1996 bagi memberi masa yang lebih lagi bagi Dewan Rakyat membahas rang undang-undang yang dibentangkan oleh kerajaan menurut Peraturan Mesyuarat 11(2), Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Noh bin Omar.

(Soalan No. 1-Y.B. Tuan Noh bin Omar tidak hadir)

SKIM GAJI BARU GURU—
KEPUTUSAN

2. Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang) minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah keputusan muktamad mengenai Skim Gaji Baru Guru dan adakah skim ini adil dan melibatkan semua guru yang dalam perkhidmatan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, skim gaji baru bukan siswazah (peringkat diploma) masih dalam pertimbangan pihak kerajaan. Pada prinsipnya rancangan pelaksanaan skim ini adalah adil kerana ia juga melibatkan semua guru pemegang sijil perguruan yang sedang berkhidmat.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kos kehidupan pun telah naik termasuk harga tepung gandum dan kadar tol dan sebagainya, saya berasa gaji guru mestilah dinaikkan kerana sangat rendah. Contohnya, gaji baru yang sedang dicadangkan iaitu dengan sijil MCE RM595 sebulan termasuk Cola RM115 dan elaun perumahan RM90 sebulan. Dengan kenaikan gaji setahun hanyalah RM43 setahun dan maksimum gaji sampai pencennya hanya RM1,700 sebulan. Saya dengar gaji baru yang akan dicadangkan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, soal terus.

Dr. Lee Chong Meng: Okay. Saya cadang bahawa guru-guru yang sedang berkhidmat dan dapat pengalaman yang lebih lama bolehlah diberikan gaji seperti gaji dengan sijil diploma.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ini cadangan atau soalan?

Dr. Lee Chong Meng: Soalan. Bolehkah Timbalan Menteri ini menimbang cadangan saya?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, pada prinsipnya Kementerian Pendidikan bersetuju. Jadi, sekarang Kementerian Pendidikan mengkaji menyeluruh bagaimana kita boleh melaksanakan satu skim yang boleh memberi keadilan kepada semua, termasuklah guru-guru yang sedang berkhidmat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berdasarkan kepada laporan yang telah disiarkan baru-baru ini JPA telah pun menaikkan gaji dan keistimewaan yang ada pada pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Saya ingin bertanya, adakah kementerian melalui SPP juga bercadang untuk mengkaji kelayakan-kelayakan ataupun elaun-elaun sebagaimana yang sepatutnya diberikan kepada guru-guru di dalam kumpulan yang tertinggi?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Pendidikan ada memberi cadangan kepada JPA tentang bagaimana kita boleh mempertingkatkan perkhidmatan perguruan. Kami yakin dengan kerjasama semua pihak, satu skim yang adil dan boleh menggalakkan pemuda-pemudi menceburi bidang perguruan itu akan dapat dilaksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dr. Maximus Johnity Ongkili.

(Soalan No. 3-Y.B. Dr. Maximus Johnity Ongkili tidak hadir)

PENDATANG ASING TANPA IZIN TERLIBAT PELACURAN— BILANGAN MENGIKUT NEGARA ASAL

4. Puan Ainon Khariyah binti Dato'Mohd. Abas (Parit) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan pendatang-pendatang asing tanpa izin mengikut negara asal mereka yang ditangkap kerana terlibat secara langsung dalam aktiviti pelacuran; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjamin bahawa pendatang-pendatang tanpa izin negara asing tinggal di negara ini semata-mata untuk bekerja secara sah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan pendatang asing tanpa izin yang ditangkap kerana terlibat dalam pelacuran mengikut negara asal adalah seperti berikut:

Negara	1991	1992	1993	1994	1995
Thailand	594	254	294	263	212
Filipina	533	398	642	390	217
Indonesia	785	573	683	702	595
Jumlah	1,954	1,273	1,666	1,404	1,101

- (b) Adalah menjadi dasar kerajaan tidak membenarkan pendatang tanpa izin bekerja di negara ini, sekiranya mereka ditangkap, mereka akan dihantar pulang kerana tidak mempunyai pas pekerja yang sah. Walau

bagaimanapun, kerajaan sentiasa mengambil beberapa langkah untuk mengawal dan mengatasi masalah kedatangan pendatang tanpa izin dan langkah-langkah itu telah berulang kali saya terangkan di sini, adalah tidak perlu diulang lagi.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah diberitahu jumlah mereka yang dihantar pulang dan apakah sebab sekiranya ada yang masih tidak dapat dihantar balik ke negara mereka?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada mereka ini telah pun dihantar balik kecuali mereka yang telah didakwa dan disabit dan telah dipenjarakan dalam tempoh mereka perlu dihukum penjara itu maka mereka tidak akan dihantar sehingga tempoh itu tamat dan lain-lain kalau sekiranya tidak dapat didakwa kerana bukti tak cukup dan sebagainya semua mereka ini telah diusir dan mereka telah disenaraihitamkan.

Tuan Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, bagi mengelakkan mereka masuk ke negara kita untuk bekerja secara haram, jadi, soalan tambahan saya iaitu apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk menentukan bahawa mereka yang datang dengan pas lawatan adalah pelancong yang tulen.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pihak Imigresen ada beberapa garis panduan ataupun peraturan di pintu-pintu masuk apabila mereka menjalankan tugas. Apabila mereka mengesyaki seseorang pelawat itu, nampaknya mungkin ia akan masuk bukan bertujuan untuk melancong maka mereka itu boleh disoal siasat di pintu masuk dari segi sama ada mereka mampu membawa wang yang secukupnya untuk melancong di

tempat mereka akan tinggal ataupun kalau sekiranya melawat saudara-mara, di manakah alamatnya?

Itulah soalan-soalan yang boleh mereka kemukakan semasa di pintu masuk. Kalau sekiranya ada syak wasangka ataupun nampaknya orang itu kita tidak izinkan mereka masuk, kita akan tolak di pintu masuk supaya mereka terpaksa balik dengan serta-merta.

TANAH KTMB LOT 77 BANDAR PRAI—KEMAJUAN

5. Tuan Lim Hock Seng (Bagan) minta Menteri Pengangkutan menyatakan berkenaan kemajuan tanah KTMB Lot 77 Bandar Prai, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang:

- (a) berapa buah rumah, kedai dan gerai perlu diusir dan cara penyelesaiannya; dan
- (b) butir-butir projek pembinaan dan tarikh pelancaran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kedai dan gerai yang mempunyai kebenaran pendudukan sementara (K.P.S.) ialah 14 unit; Rumah Setinggalan termasuk kuil ialah 5 unit;

Cara Penyelesaiannya ialah:-

Mengenai Kedai dan Gerai- Semua ini terpaksa dirobah kerana terlibat dengan pembesaran jalan, perbincangan di antara kerajaan negeri dengan pemunya masih dalam proses untuk penetapan daripada segi pampasan;

Mengenai Setinggalan Yang Berada di Tapak-Mereka akan dibayar pampasan berdasarkan kepada perbincangan antara setinggalan dan KTMB. Perbincangan mengenainya masih dalam proses;

(b) Projek pembangunan bercampur Prai Perdana telah dilancarkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang pada 10hb Januari, 1996. Pembangunan yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) satu blok hotel 18 tingkat berserta tempat letak kereta bertingkat;
- (ii) satu blok pejabat 16 tingkat berserta tempat letak kereta bertingkat;
- (iii) satu blok bangunan KTMB 12 tingkat berserta tempat letak kereta bawah tanah;
- (iv) satu blok kompleks belibelah 7 tingkat;
- (v) dua blok rumah pangsa kos sederhana 16 tingkat yang berjumlah 324 unit;
- (vi) satu blok rumah pangsa 17 tingkat untuk penempatan semula kakitangan KTMB yang berjumlah 200 unit;
- (vii) kedai dan pejabat 3 tingkat berserta tempat letak kereta bawah tanah yang berjumlah 121 unit;
- (viii) kedai dan pejabat 4 tingkat berserta tempat letak kereta bawah tanah yang berjumlah 64 unit;
- (ix) kedai dan pejabat 5 tingkat berserta tempat letak kereta bawah tanah—22 unit; dan akhir sekali
- (x) rumah teres 2 tingkat yang berjumlah 150 unit.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan projek kemajuan ini adalah sangat besar dan raksasa dan saya dengar di sini bahawa ada satu blok rumah pangsa kos sederhana akan dibina untuk menempatkan kakitangan-kakitangan KTMB. Saya ingin bertanya di sini, sama ada KTMB bercadang untuk membina rumah-rumah pangsa kos rendah untuk menempatkan orang-orang atau setinggalan-setinggalan atau penduduk-penduduk yang berdekatan di kawasan sana.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali adalah setinggalan-setinggalan yang berada di tapak KTMB iaitu hanya lima unit rumah dan mereka haruslah diberikan masa untuk menyelesaikan masalahnya. Walau bagaimanapun, memang adalah menjadi hasrat kerajaan di negeri Pulau Pinang supaya pemaju-pemaju swasta dihendaki untuk menyediakan dalam semua tapak ataupun sekim perumahan, rumah kos rendah dibina supaya memberi peluang kepada orang yang berpendapatan rendah untuk membelinya termasuk setinggalan-setinggalan berkenaan terlibat seperti di tapak KTMB.

Berbalik kepada tapak KTMB ini, memang tidak ada rancangan untuk mengadakan rumah kos rendah bagi mereka yang terlibat tetapi walau bagaimanapun, bagi setinggalan-setinggalan yang berkaitan. Perbincangan sedang diadakan supaya mereka dapat dibayar pampasan dan dapat pindah ke tempat lain.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan tambahan secara umum berkenaan dengan harta KTMB kerana dalam soalan asal KTMB memajukan Lot 77 di Bandar Prai. Sebagaimana kita maklum bahawa seluruh

negara KTMB mempunyai harta yang cukup banyak termasuk tanah tetapi tidak dimajukan secara sempurna termasuk stesen-stesennya sendiri dan banyak tanah didapati dicerobohi oleh setinggan. Jadi, apakah pendekatan secara umumnya oleh KTMB supaya memajukan seluruh hartanah yang dimiliki oleh KTMB.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini sekarang KTMB adalah sebuah badan korporat dan oleh yang demikian ianya berhak untuk membuat keputusan sama ada untuk memaju tanah-tanah kepunyaan KTMB melalui usahasama atau lain-lain cara yang mana setiap kemajuan harus membawa keuntungan kepada KTMB.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tanah-tanah yang terdapat di seluruh negara ini adalah dibuka oleh KTMB bagi maksud kemajuan dan KTMB mempunyai satu dasar yang terbuka yang mana pihak-pihak yang berminat untuk memajukan tanah melalui usahasama (joint venture agreement), KTMB sedia menerima dan mengkaji tawaran sama ada munasabah atau tidak. Buat masa ini saya diberitahu telah dapat banyak tapak tanah atau lot tanah di seluruh negara ini telah pun mengadakan usaha sama dengan KTMB. Jika Ahli Yang Berhormat berminat, mungkin boleh membuat tawaran. *(Ketawa)*

PINJAMAN PERUMAHAN— PENGECCUALIAN FAEDAH TERKUMPUL

6. Tuan Chang See Ten (Gelang Patah) minta Menteri Kewangan menyatakan kenapakah bank-bank tidak dapat mengecualikan faedah terkumpul yang dilaksanakan ke atas pinjaman pembelian rumah-rumah yang projek-projek terbengkalai.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, keputusan untuk mengecualikan faedah ke atas projek perumahan terbengkalai oleh bank-bank perdagangan adalah merupakan dasar dalaman bank-bank perdagangan tersebut. Walaupun sesuatu projek perumahan menjadi terbengkalai, pada dasarnya bank-bank perdagangan tetap perlu mengenakan faedah bagi menampung kos dana dalam memberi pinjaman perumahan. Pada masa ini, terdapat sesetengah bank perdagangan yang mengecualikan faedah terkumpul atas dasar peri kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood.

(Soalan No. 7. Y. B.—Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood tidak hadir)

PERKHIDMATAN TELEFON DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI—KRITERIA YANG DIPERLUKAN

8. Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu) minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah langkah kementerian untuk menyediakan perkhidmatan telefon di kawasan perkampungan orang Asli di pedalaman negara; dan
- (b) apakah perkiraan dan kriteria kenaikan panggilan dan sewa telefon oleh TMB mulai 1hb. Jun 1996 dan menyatakan jumlah pungutan hasil yang dibuat bagi tempoh berkenaan hingga kini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) pembekalan telefon di kawasan-kawasan kediaman Orang-orang

Asli adalah dilaksanakan melalui Rancangan Telefon Luar Bandar. Di bawah rancangan tersebut, kementerian ini telah menetapkan matlamat untuk membekalkan sekurang-kurang satu telefon bagi tiap-tiap 1,000 orang penduduk. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Telekom Malaysia Bhd akan membelanjakan lebih kurang RM2.7 bilion untuk meningkatkan lagi liputan perkhidmatan telefon di kawasan luar bandar dan tempat-tempat terpencil termasuk perkampungan Orang Asli.

Sungguhpun belum ada rancangan menunjukkan bilangan telefon yang dibekalkan kepada perkampungan Orang Asli, secara umum bilangan talian telefon untuk setiap 1,000 orang penduduk di luar bandar telah meningkat dari 0.7 pada tahun 1990 kepada 4 telefon bagi setiap 1,000 orang penduduk bagi tahun yang lepas.

- (b) antara kriteria yang diambil kira dalam pengimbangan tarif yang dilaksanakan mulai bulan Jun 1996 termasuklah seperti berikut:
- (i) menggalakkan penggunaan rangkaian telekomunikasi secara optimum, cekap dan proaktif oleh pengguna-pengguna;
 - (ii) menggunakan faktor kos sebagai asas utama dalam penentuan tarif;
 - (iii) menentukan tarif telefon yang lebih kompetitif berbanding dengan tarif di negara-negara jiran dan antarabangsa;
 - (iv) menjadikan Malaysia sebagai pusat telekomunikasi di Rantau Asia Pasifik dengan menggalakkan pembukaan ibu-ibu pejabat syarikat multinasional; dan

- (v) memperluaskan liputan perkhidmatan ke kawasan-kawasan luar bandar dengan menyelaraskan bayaran sewaan untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha telekomunikasi menerokai dan meluaskan pasaran luar bandar.

Pelaksanaan tarif ini telah dijalankan mulai bulan Jun tahun ini dan hasilnya belum dapat dipastikan lagi.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keperluan masa kini di luar-luar bandar, keperluan telefon adalah begitu penting dan banyak kampung-kampung yang terpencil jauh di luar bandar, terutama sekali Sabah dan Sarawak dan perkampungan Orang Asli tidak dapat dihubungi, apakah kementerian bercadang ataupun TMB bercadang, oleh kerana keuntungan yang begitu tinggi, mempunyai komitmen sosialnya untuk membekalkan talian telefon percuma di tempat-tempat strategi di kawasan-kawasan luar bandar yang bilangannya agak terhad di masa yang akan datang.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian memang sedar tentang tugas yang diberikan oleh kerajaan iaitu untuk membekalkan seberapa banyak yang boleh kemudahan telekomunikasi ke seluruh negara termasuk orang-orang yang duduk di kawasan pedalaman, tetapi buat masa sekarang memang susah bagi kita memasang talian ke seluruh negara, khususnya di kampung-kampung yang terpencil. Walau bagaimanapun, kita melalui penggunaan teknologi yang terkini termasuk selular dengan solar termasuk MARS (Multi Access Radio Service) melalui teknologi RILL iaitu Radio in Local Loop, kita cuba dengan sedaya upaya akan memberikan service ini kepada seberapa banyak yang boleh.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai dengan kemudahan-kemudahan asas, iaitu bekalan talian telefon ke perkampungan Orang Asli, adakah kementerian mempunyai statistik yang tertentu untuk menunjukkan bahawa jumlah perkampungan Orang Asli yang telah dibekalkan dengan talian ini dan jumlah yang belum dibekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, adakah kementerian mempunyai sasaran (target) mengenai pembekalan talian ini ke kawasan-kawasan perkampungan Orang Asli yang melebihi daripada 10 ataupun 20 kilometer daripada jalan besar di sesuatu perkampungan tersebut.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang tidak ada angka yang khusus untuk Orang Asli tetapi kita mempunyai angka untuk perkhidmatan di luar bandar pada keseluruhannya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini cuma Telekom Malaysia yang memberikan perkhidmatan ke kawasan luar bandar, tetapi dalam lesen-lesen yang diluluskan kepada pengusaha-pengusaha telekomunikasi yang lain, memang ada syarat bagi mereka untuk menunaikan syarat USO (Universal Service Obligation) dan dalam syarat ini mereka dikehendaki juga memberikan perkhidmatan telekomunikasi ke kawasan luar bandar, tetapi setakat ini mereka belum mula memberikan perkhidmatan yang disebutkan tadi. Walau bagaimanapun, kementerian saya akan, apabila sudah tiba masanya, kita akan mewajibkan syarikat-syarikat telekomunikasi yang lain selain daripada Telekom Malaysia untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk di luar bandar.

Dengan cara ini lebih ramai penduduk di luar bandar akan dapat menikmati perkhidmatan telekomunikasi.

PELANCONGAN— PENYELIDIKAN KE ATAS POTENSI PELANCONG

9. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar) minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) adakah kementerian membuat atau bercadang untuk membuat penyelidikan ke atas potensi pelancong yang dikenal pasti seperti Jepun, Korea, Eropah dan Amerika untuk mendapat data 'price differential' di antara harga 'package' pelancongan yang dibeli di Malaysia dengan yang dibeli di negara mana pelancong datang - kalau tidak kenapa; dan
- (b) adakah kementerian sedar jikalau data ini wujud dan penggalakannya dilaksanakan boleh diguna sebagai 'package murah' untuk menggalak pelancong datang dari negara lain dengan tiket yang dibeli di Malaysia untuk pelancong asing datang ke Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Mohd. Noh bin Rajab): Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Kementerian tidak bercadang untuk membuat penyelidikan ke atas 'price differential' di antara harga pakej pelancongan yang dibeli di Malaysia dengan yang dibeli di negara asal pelancong. Ini adalah kerana faktor perbezaan ini tidak mempengaruhi kedatangan pelancong ke negara ini.
- (b) Peraturan IATA tidak menggalakan pembelian tiket yang murah daripada sesebuah negara lain. Harga tiket penerbangan yang patut dikenakan menurut undang-undang IATA ialah daripada

negara tempat pelancong berlepas dan ini bermakna kos tiket tersebut adalah didapati tidak semurah berbanding dengan yang dibeli di negara lain. Biasanya harga return ticket, dengan izin, adalah lebih murah dari 'ticket one way' dan dalam hal ini pelancong yang datang ke Malaysia memang mempunyai return ticket tersebut.

Kementerian ini sentiasa menggalakkan quality tourism lebih daripada mass tourism, kerana kita yakin akan mendapat faedah yang lebih besar daripada pelancong yang berkemampuan berbelanja tinggi dan tinggal lebih lama di Malaysia daripada Mass Touris daripada tiket-tiket yang murah.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soalan quality tourism. Jadi soalan saya, adakah pihak kementerian membuat penyelidikan khusus untuk mengenal pasti negara manakah pelancong-pelancong yang banyak sekali berbelanja di Malaysia apabila sampai ke negara ini dan apakah penggalakan yang dibuat supaya negara tersebut boleh menghantar pelancong lebih ramai lagi datang ke sini.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, memang kebiasaan pelancong yang teramai sekali mengunjungi sesebuah negara itu adalah pelancong daripada negara jiran dan kalau di lihat daripada jumlah pendapatan daripada pelancong yang ramai ini juga membawa pendapatan yang tinggi, walau bagaimanapun, terdapat negara-negara yang jauh, yang mana pelancong-pelancongnya memang datang ke sini dengan berbelanja yang tinggi. Misalannya sebagai contoh, pelancong-pelancong yang datang dari Timur Tengah memang berbelanja tinggi kerana semua orang faham dengan kebiasaan orang Timur Tengah ini berbelanja.

Tuan Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, memandangkan kementerian Yang Berhormat telah menjalankan satu promosi pelancongan di Jepun pada tahun lepas, maka saya ingin meminta menyatakan hasil ataupun kesan daripada promosi itu?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, kita membuat promosi pelancongan ke negeri Jepun atau ke negeri-negeri yang lain bukan sahaja pada tahun lepas. Sebenarnya kita buat promosi pelancongan berterusan. Dengan itu, kita dapati bahawa peningkatan kedatangan pelancong daripada negara ini bertambah. Purata kita mendapat pertambahan sebanyak 10%. Saya mempunyai perangkaan, tetapi saya rasa kalau Yang Berhormat hendak tahu secara peribadi, saya boleh beri secara terperinci, perangkaan kedatangan ataupun pertambahan kedatangan pelancong-pelancong daripada tiap-tiap buah negeri daripada seluruh dunia.

PERUMAHAN—KUOTA BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA

10. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Pokok Sena) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa selama ini pemaju projek-projek perumahan telah tidak mengikut kuota untuk bumiputera dan bukan bumiputera sama ada di tanah rizab Melayu ataupun pegangan bebas. Banyak kawasan perumahan yang ada sekarang didapati ada penyelewengan berlaku di mana taman-taman yang wujud telah tidak langsung dimiliki atau diduduki oleh bumiputera. Adakah pihak kementerian sedar perkara ini dan jika sedar kenapakah ianya boleh berlaku.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, dasar

pembangunan negara dan strategi bagi membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat adalah jelas dan telah lama dilaksanakan termasuk menentukan bumiputera mendapat peluang membeli rumah di kawasan pembangunan. Bagi projek-projek yang tidak cukup pembeli untuk memenuhi kuota bumiputera, kerajaan negeri terpaksa melepaskan kuota supaya tidak membebankan pihak pemaju. Kementerian sedar bahawa penetapan kuota untuk bumiputera terletak di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan negeri membuat pertimbangan dan perancangan sewajarnya dalam menetapkan kuota bumiputera dalam kawasan-kawasan pembangunan dalam negeri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan projek-projek perumahan yang dibina di atas tanah rizab Melayu, sehingga kini kementerian tidak menerima aduan mengenai rumah-rumah yang dibina di atas tanah rizab Melayu telah dijual kepada orang-orang bukan Melayu. Tanah rizab Melayu dikawal dan dilindungi melalui Enakmen Rizab Melayu di negeri-negeri dan kementerian percaya perkara ini tidak berlaku. Jika Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat berhubung dengan perkara ini, ianya hendaklah dikemukakan segera kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan-kerajaan Negeri untuk tindakan lanjut bagi membetulkan keadaan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan syarat-syarat yang telah diadakan oleh pihak kerajaan, terutamanya apabila kuota itu tidak dapat daripada bumiputera, maka projek itu akan dibuka kepada bukan bumiputera. Maka dengan ini kita dapati bahawa pemaju-pemaju perumahan apabila ada bumiputera hendak beli, mereka mengatakan telah habis. Jadi, dengan sebab ini apabila bumiputera hendak beli sahaja, pemaju ini mengatakan bahawa kuota untuk bumiputera telah habis. Sebenarnya, kuota itu diberi kepada

kaum bukan bumiputera. Oleh itu, saya dapati ada projek-projek perumahan. misalnya di kawasan saya, bila siap cuma ada satu-dua sahaja bumiputera. Yang lain itu pun nama bumiputera. Jadi, adakah kementerian sedar bahawa kuota itu telah dijual kepada bukan bumiputera, tetapi dengan nama bumiputera. Saya minta perkara ini disiasat, sebab perkara ini berlaku di banyak kawasan. Di kawasan saya pun ada berlaku. Tak fahamkah?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Fahamlah. Tetapi yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat, perkara ini diuruskan dan dibela oleh kerajaan negeri, kerana kerajaan negeri ini yang meluluskan projek pembangunan dan meletakkan syarat-syarat seperti kuota untuk bumiputera. Bagi kementerian, kita tidak dapat mengawal situasi ini, kerana ini kita bukan ada kuasa. Kalau ada masalah seperti disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu rumah-rumah itu dijual kepada orang bukan bumiputera atas nama bumiputera, saya rasa nasihat saya ialah kalau perkara ini berlaku, Yang Berhormat diminta memberi sedikit maklumat kepada kementerian saya, dan maklumat ini akan disampaikan kepada kerajaan-kerajaan negeri atau pihak berkuasa di negeri untuk disiasat kelak. Kalau ada benar perkara ini berlaku, saya yakin rumah itu akan ditarik balik.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, berdasar kepada maklumat yang ada dengan kementerian, berapa banyakkah kuota-kuota yang kepunyaan bumiputera yang sudah terlepas kepada orang-orang yang bukan bumiputera? Soalan yang kedua....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, biasanya satu soalan sahaja.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini juga di kementerian tidak ada angka-

angka yang terperinci mengenai beberapa projek dilepaskan oleh pihak berkuasa di peringkat negeri. Ini adalah satu perkara yang di luar kuasa kementerian. Oleh sebab itu, maka kementerian tidak menyimpan apa-apa angka atau data.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang.

(Soalan No. 11—Y.B Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang tidak hadir)

NEGARA ISLAM DI TIMUR TENGAH—USAHA PENYATUAN

12. Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun) minta Menteri Luar Negeri menyatakan bilakah Kerajaan Malaysia, sebuah negara yang diiktirafkan sebagai negara Islam yang amat dihormati dan disegani, untuk memberi sumbangan yang lebih bermakna ke arah penyatuan ala Asean di kalangan negara-negara Islam di Timur Tengah.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, usaha ke arah penyatuan di kalangan negara-negara Islam di Asia Barat terletak kepada negara-negara Islam itu sendiri sama ada untuk berbuat demikian atau sebaliknya. Sebagai sebuah negara yang berdaulat, Malaysia tidak akan mencampuri urusan negara-negara lain.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, apakah keutamaan yang dilakukan oleh kerajaan kita dalam hubungan antarabangsa bagi mengendalikan hubungan dengan negara-negara lain? Adakah ia dari segi negara-negara bukan Islam, Komanwel ataupun negara berkecuali?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil bahagian dalam semua peringkat antarabangsa mengikuti

isu-isu semasa, dan kita mengambil bahagian dalam semua isu-isu dan berpandu kepada keadilan, dalam kedamaian di kawasan-kawasan atau isu-isu tertentu. Kita memberi keutamaan kepada semua badan yang sah, tetapi keperluannya ialah peranan kita menyokong atau memainkan peranan yang akan memberikan kesan kepada proses-proses perdamaian atau mencapai sesuatu diperingkat antarabangsa.

PETANI—PENGUNAAN TEKNOLOGI MODEN

13. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail (Bagan Serai) minta Menteri Pertanian menyatakan apakah strategi kementerian untuk melibatkan peladang-peladang kecil terutamanya dalam kawasan sawah padi dalam penggunaan ladang bagi mempercepatkan penyediaan tanah dan meningkatkan hasil pertanian.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan produktiviti kawasan-kawasan pertanian melalui penggunaan teknologi-teknologi moden, maka kementerian telah mewujudkan skim pinjaman, mekanisasi dan automasi pertanian di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk membantu petani, usahawan tani dan pertubuhan-pertubuhan peladang memiliki jentera-jentera pertanian serta juga bagi mengatasi kekurangan jentera pertanian, terutamanya di kawasan-kawasan jelapang padi.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, peruntukan pinjaman sebanyak RM70 juta boleh diperolehi dari Bank Pertanian Malaysia dengan syarat-syarat yang mudah. Selain daripada itu, kementerian menggalakkan pertanian separa perladangan, berkelompok dan mini estet untuk meningkatkan penggunaan kejenteraan dalam membangunkan kawasan-kawasan pertanian.

Kursus, latihan dan tunjuk ajar juga sering diberikan kepada petani bagi meningkatkan penggunaan teknologi moden. Sebagai contoh, Jabatan Pertanian memberi latihan dan demonstrasi kepada petani mengenai cara-cara mengendalikan traktor dua roda, traktor empat roda, penyelenggaraan jentera-jentera pertanian dan cara merata tanah sawah dengan penggunaan kaedah panduan laser.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini kita dapat lihat generasi muda telah menjauhkan diri daripada menjadi petani disebabkan oleh pendapatan yang tidak begitu lumayan dan memuaskan. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk memastikan bahawa generasi pelapis diberi satu pengajaran ataupun kita adakan kelas atau sekolah pendidikan pertanian untuk mereka supaya mereka ini akan dapat menjadi pengganti kepada orang-orang tua yang ada pada hari ini yang sedang menjalankan kerja sebagai petani?

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, di Seberang Perak baru-baru ini kita dapati berjaya dalam skim ladang menanam padi. Jadi, adakah kerajaan bercadang juga untuk menyelaraskan petani-petani yang mempunyai sawah seluas satu dua ekar ini untuk dijadikan skim kelompok bagi menambahkan pendapatan dan mengurangkan kos pembiayaan?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Memang menjadi dasar Kementerian saya bahawa kelas-kelas ataupun kursus-kursus, seminar-seminar yang berkaitan bagi menarik golongan muda menceburkan diri dalam bidang pertanian diadakan dari semasa ke semasa. Apa yang kita penting di sini ialah kita terpaksa membesarkan saiz tanah untuk diusahakan secara berkelompok ataupun secara pengurusan ladang bagi projek-projek tanah sawah dan lain-lain.

Jadi, ini bermakna jentera-jentera ladang akan digunakan bagi kegunaan projek-projek berkelompok sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Kalau ini dapat diadakan, maka dengan secara tidak langsung, generasi muda akan dapat kita tarik menerusi penggunaan jentera-jentera moden tadi. Tetapi adalah tidak akan berjaya sekiranya konsep penyatuan tanah ini tidak berjaya diadakan kerana dengan saiz yang kecil ini jentera-jentera ladang-ladang tidak akan dapat diadakan dengan cara yang lebih ekonomik. Jadi, adalah menjadi harapan Kementerian saya supaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat sama-sama kempen supaya tuan-tuan punya tanah sawah satu dua ekar ini hendaklah diserahkan kepada pertubuhan-pertubuhan peladang untuk dimajukan dengan harapan golongan muda akan terus menggunakan jentera menerusi skim yang agak lebih besar.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian. Di dalam usaha untuk mempergunakan alat-alat jentera (farm mechanisation) di kawasan pertanian lebih-lebih lagi dalam kawasan padi, apakah usaha Kementerian untuk memperbaiki jalan-jalan ladang yang mana inilah faktor utama yang akan mempercepatkan kejenteraan? Sebab tanpa jalan-jalan ladang yang baik, jentera-jentera yang hendak sampai ke tempat-tempat yang susah itu tidaklah mampu orang ramai untuk membaikinya.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa perhatian akan diberikan kepada jelapang-jelapang padi yang ada di seluruh negara kita. Tetapi walau bagaimanapun, adalah mustahil bagi Kementerian saya untuk membina jalan-jalan ladang ini kerana setiap kawasan pembangunan pertanian boleh dikatakan terpaksa memiliki sampai 300 km jalan-jalan ladang.

Jadi, walau bagaimanapun sekiranya ada kawasan-kawasan khususnya kawasan IADP yang agak bermasalah dari segi jalan ladang, maka kementerian menerusi jabatan-jabatan yang berkenaan akan cuba membuat kajian untuk cuba memperbaikinya dan saya juga bersetuju adalah kawasan-kawasan yang sepatutnya boleh dilalui oleh jentera ladang yang agak dekat, tetapi oleh kerana jalan rosak, jambatan rosak, maka mereka terpaksa melingkungi sehinggakan lima kali ganda atau sepuluh kali ganda.

Jadi, kalau Yang Berhormat menemui kes-kes seumpama ini, laporkan kepada kita dan kita cuba buat kajian untuk membaiki seberapa yang termampu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak.

(Soalan No. 14—Y.B. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak tidak hadir)

**LEBUHRAYA SANDAKAN/KOTA
KINABALU/TAWAU—
PEMULIHAN KEROSAKAN
DAN PERUNTUKAN**

15. Tuan Lau Ngan Siew (Sandakan) minta Menteri Kerja Raya menyatakan bahawa lebuhraya-lebuhraya di antara Sandakan, Kota Kinabalu dan Tawau telah rosak dengan teruk disebabkan oleh lori-lori dan kenderaan yang berat. Adakah peruntukan yang berpatutan akan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memperbaiki dan memulihkan lebuhraya-lebuhraya di Sabah di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, memang benar terdapat kerosakan jalan yang serius di beberapa tempat disebabkan oleh laluan kenderaan yang lebih had muatan di jalan raya utama Sandakan ke Kota Kinabalu dan Sandakan ke Tawau.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Pengangkutan Sabah ada menjalankan penguatkuasaan bagi mengambil tindakan kepada pengguna-pengguna yang melanggar had muatan. Kerosakan juga berlaku terutama sekali pada hujan lebat sehingga mengakibatkan cerun runtuh dan juga tanah runtuh.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat selanjutnya, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM59 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk membaiki jalan-jalan raya di Sabah yang disenaraikan seperti berikut:

- (i) Jalan Raya Sandakan ke Batu 32 sebanyak RM5 juta;
- (ii) Jalan Raya Sandakan ke Telupid sebanyak RM8.5 juta;
- (iii) Jalan Raya Sandakan ke Lahad Datu sebanyak RM16.5 juta;
- (iv) Jalan Raya Lahad Datu ke Persimpangan Balung sebanyak RM15 juta;
- (v) Jalan Raya Simpang Balung ke Tawau sebanyak RM14 juta.

**AKTA BANK—CADANGAN
PINDAAN AGAR SELARAS
DENGAN SISTEM
PERUNDANGAN ISLAM**

16. Tuan Abdul Rahin bin Dato' Haji Mohd. Said (Kuala Nerus) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak kementerian bercadang untuk meminda Akta Bank atau Akta Bank Islam supaya tindakan undang-undang yang dikenakan kepada pelanggan-pelanggan bank yang berurusan dengan konsep mua'malah Islam dikenakan tindakan undang-undang mengikut sistem perundangan Islam dan bukannya mengikut sistem tindakan perundangan biasa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Saleh): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk

meminda Akta Bank bagi membolehkan pelanggan-pelanggan bank yang berurusan dengan konsep mua' malat Islam dikenakan tindakan undang-undang mengikut sistem perundangan Islam.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan sistem perbankan Islam ini. Tetapi adakah pihak kementerian juga mengkaji kesediaan mahkamah syariah ini sama ada mereka telah bersedia atau tidak untuk mengendalikan tindakan undang-undang kepada pelanggan-pelanggan yang mengamalkan sistem perbankan Islam ini?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Saleh: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, kerajaan berpendapat peruntukan dalam undang-undang yang sedia ada berupaya mengendalikan sebarang kes-kes yang melibatkan urusan niaga bank sama ada secara perbankan konvensional ataupun secara perbankan Islam. Buat masa ini, saya rasakan banyak tenaga dan masa ditumpukan oleh mahkamah syariah kepada undang-undang keluarga iaitu nikah cerai dan perkara ini pun tidak dapat diselesaikan dengan sempurna. Jadi, kemungkinan apabila kerajaan memikirkan bahawa rang undang-undang perlu diubah, barulah kita melihat mahkamah syariah mengendalikan perkara ini.

**JAMBATAN BATU 11 KM 90
BINTULU/MIRI DAN JAMBATAN
DI KM 23 BINTULU/SIBU—
KESELAMATAN PENGGUNA**

17. Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu) minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah langkah-langkah tambahan yang telah diambil oleh kementerian untuk memastikan keselamatan para pengguna jalan raya di 'jambatan dalam jambatan' Batu 11 dan KM 90 Bintulu/Miri dan 'jambatan atas jalan raya di KM 23 Bintulu/Sibu, Jalan Raya Pan Borneo. Berapa

kemalangan serius telah berlaku di situ. Tanda-tanda amaran yang ada sekarang tidak mencukupi dan nampaknya tidak memadai justeru itu tidak berkesan.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua jambatan iaitu di Batu 11 dan Kilometer 90 Jalan Bintulu/Miri telah mengalami kerosakan struktur, sementara kalbat di Kilometer 23 Jalan Bintulu-Sibu telah terputus dan rosak teruk bersama-sama tambakan tanah yang runtuh. JKR Sarawak telah melantik jurutera perunding untuk menyiasat dan seterusnya menjalankan kerja-kerja rekabentuk untuk kerja-kerja pembaikan bagi kedua-dua jambatan tersebut. Kerja-kerja pembaikan akan mengambil masa kerana akan melibatkan struktur utama jambatan berkenaan.

Bagi memudahkan dan keselamatan pengguna-pengguna, Jambatan Bailey untuk satu lorong telah dipasang di atas jambatan tersebut. Ini bermakna laluan di Jambatan Bailey terpaksa bergilir-gilir pergi dan balik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa papan tanda dan tanda-tanda amaran telah dipasang di jalan tuju kedua-dua belah jambatan tersebut untuk panduan para pengguna seperti papan tanda 'Awat', dengan izin, 'Delineator Posts', 'Yellow Transverse Bars on Approach Road', 'Narrow Bridge', 'Flashing Lights' dan 'Height Limit (3.5 meter)'. Papan tanda dan tanda amaran yang telah dipasang adalah mencukupi. Yang penting pengguna-pengguna mesti memberi kerjasama dan berhati-hati bagi mengelakkan sebarang kemalangan daripada berlaku.

Keadaan yang sama juga dibuat untuk Jambatan Bailey di kilometer 23 Jalan Bintulu/Sibu bagi kegunaan sementara sehingga kerja-kerja pembinaan semula kalbat siap dijangka pada hujung bulan ini.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Papan tanda jalan raya bukan sahaja kurang di tempat yang tertentu, tetapi sepanjang Jalanraya Pan Borneo khususnya di mana rumah panjang adalah di tepi jalan raya itu. Jadi, sama ada kementerian bercadang untuk menambahkan papan tanda di tempat itu dan sepanjang Lebuhraya Pan Borneo, jika ya bila?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Saya ingat dalam minggu lalu, saya telah menjawab lebih kurang soalan yang sama, di mana saya mengatakan sebarang kekurangan sama ada daripada segi ciri-ciri keselamatan jalan atau pembaikan jalan memang akan dibaiki, sama ada jalan-jalan yang terletak di bawah kuasa kerajaan negeri mahupun di bawah Kerajaan Persekutuan. Kita akan mengambil perhatian dan melakukan sebarang kerja-kerja yang diperlukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Datuk Song Swee Guan.

(Soalan No. 18—Y.B. Datuk Song Swee Guan tidak hadir)

INDUSTRI LUAR BANDAR— JUMLAH PERUNTUKAN KEPADA KEJORA

19. Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan antara RM300 juta peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan untuk membantu kegiatan industri di luar bandar:

- (a) berapakah peruntukan akan disalurkan kepada Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) di Johor; dan
- (b) apakah jenis kegiatan industri yang akan dijalankan di bawah rancangan ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan RM300 juta yang diluluskan oleh kerajaan itu sebenarnya adalah merupakan peruntukan on-line vote bagi meneruskan pembangunan di sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh di kawasan lima agensi Lembaga Kemajuan Wilayah yang telah diputuskan oleh kerajaan untuk dibubarkan. Peruntukan tersebut akan digunakan bagi melaksanakan program dan projek yang mendesak dan utama sejajar dengan matlamat falsafah dan strategi baru pembangunan luar bandar ke arah 2020.

Daripada jumlah RM300 juta tersebut, sebanyak RM85,437,000 dicadangkan diperuntukkan kepada Lembaga Kemajuan Johor Tenggara bagi melaksanakan projek-projek baru di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Projek-projek baru yang disebutkan ini termasuklah Projek Pembangunan Industri yang meliputi penyediaan kemudahan, infrastruktur seperti pembinaan jalan-jalan masuk ke kawasan industri di Bandar Tenggara Fasa I dan Fasa II dan Bandar Penawar Fasa I.

PETRONAS—PELAKSANAAN SKIM PEMBIAYAAN PINJAMAN KENDERAAN DAN PERUMAHAN SECARA ISLAM

20. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof (Alor Gajah) minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Petronas akan melaksanakan Skim Pembiayaan Pinjaman Kenderaan dan Perumahan secara Islam untuk faedah kakitangannya, memandangkan kakitangan awam yang lain telah pun menikmati kemudahan-kemudahan tersebut selama ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Petronas memang bercadang

untuk melaksanakan Skim Pembiayaan Kenderaan dan Perumahan secara Islam untuk faedah kakitangannya. Ia sekarang berada di peringkat pengkajian terperinci.

LRT FASA SATU—KOS PEMBINAAN

21. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah kos bagi pembinaan LRT Fasa I dan jangka masa pulangan semula modalnya serta anggaran keuntungan tahunan setelah pulangan semula modal diperolehi; dan
- (b) apakah asas-asas yang digunakan oleh pihak LRT bagi menentukan tambang yang dikenakan kepada penumpang-penumpang memandangkan terdapat rungutan awam bahawa tambang yang diumumkan baru-baru ini terlalu mahal bagi golongan berpendapatan rendah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad): Tuan Yang di-Pertua, kos bagi pembinaan projek LRT Fasa I ialah RM1.3 bilion. Berdasarkan anggaran unjuran pendapatan syarikat pada masa ini, jangka masa pulangan semula modal syarikat bagi projek ini ialah 15 tahun. Syarikat dijangka akan memperolehi kadar pulangan dalaman (I.R.R) daripada ekuiti di antara 14% hingga 16%, manakala kadar pulangan dalaman ke atas projek ini dianggarkan 11%. Dalam pada itu syarikat dijangka akan dapat membayar balik pinjaman bank dalam tempoh 13 tahun setelah beroperasi.

Bagi pinjaman kerajaan sebanyak RM150 juta atas kadar 8% setahun pula syarikat dijangka akan hanya boleh diselesaikan selepas 30 tahun beroperasi.

Kadar bayaran yang dikenakan oleh syarikat telah mengambil kira beberapa faktor seperti viabiliti projek, kadar bayaran lain-lain kaedah atau 'mode' pengangkutan dan kemampuan penumpang. Dari aspek viabiliti projek, kadar tambang kepada penumpang telah diambil kira dalam unjuran pendapatan syarikat. Namun begitu, kadar tambang itu juga telah mengambil kira keupayaan penumpang supaya tidak membebankan, di samping bertujuan menggalakkan lebih ramai golongan berpendapatan rendah menggunakan perkhidmatan LRT itu.

Kadar tambang yang dikenakan oleh LRT itu adalah munasabah jika dibandingkan dengan lain-lain kaedah pengangkutan awam, di mana LRT menyediakan perkhidmatan yang lebih cepat, jika dibandingkan dengan pengangkutan jalan raya yang selalunya menghadapi masalah kesesakan trafik terutama semasa 'peak hours', dengan izin. Masa yang diambil oleh LRT dari Ampang misalnya ke Jalan Sultan Ismail ialah lebih kurang 20 minit, berbanding dengan masa purata 1 jam dengan menaiki bas dan 30 hingga 45 minit sekiranya dengan teksi. Oleh itu penjimatan masa ini juga telah diambil kira dalam membandingkan tambang bagi kaedah-kaedah pengangkutan yang berlainan.

Jika dibandingkan kadar tambang dari Ampang ke Jalan Sultan Ismail bagi tiga kaedah pengangkutan, iaitu teksi, bas dan LRT, penumpang dikenakan RM1.40 dengan bas, RM2.95 dengan LRT dan antara RM5.00-RM6.00 dengan teksi. Oleh itu, walaupun tambang LRT itu lebih tinggi daripada bas tetapi perkhidmatan LRT adalah lebih cepat.

LRT juga menyediakan beberapa konsesi bagi pengguna LRT yang selalu (regular). Bagi mereka yang menggunakan kad yang mempunyai nilai tersimpan (stored value) sebanyak RM20.00 atau RM50.00 misalnya, bonus diberi di mana

penumpang-penumpang yang menggunakan kad dibenarkan menaiki LRT walaupun jumlah yang tinggal dalam kad itu kurang daripada tambang sebenar bagi laluan ke destinasi yang dituju. Misalnya kalau pergi daripada Ampang ke Taman Maluri harganya RM2.00, tetapi kalau ada kad harganya hanya RM1.50, jadi dia masih boleh naiklah.

Berdasarkan kelebihan yang disediakan oleh perkhidmatan LRT, di samping faktor-faktor yang dinyatakan di atas, kerajaan berpendapat kadar tambang yang dikenakan itu adalah munasabah.

Perkhidmatan LRT ini merupakan perkhidmatan pengangkutan yang disediakan dalam pasaran bersaing, di mana pengguna berpeluang membuat pilihan menggunakan mana-mana kaedah pengangkutan. Ia bukanlah perkhidmatan monopoli dan penumpang boleh memilih kaedah pengangkutan yang difikirkan lebih sesuai, sama ada dari segi kos, masa atau keselesaan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, setelah projek pembinaan LRT dilancarkan beberapa tahun yang lalu adakah Yang Berhormat berpendapat masalah kesesakan jalan raya akan dapat di atasi dan kalau tidak bagaimanakah agaknya LRT ini dapat menarik minat penumpang-penumpang untuk menaiki dan menggunakan LRT dalam tugas harian mereka, terima kasih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya LRT adalah salah satu tambahan kepada mood pengangkutan yang sedia ada, ia bukan menggantikan mana-mana mood pengangkutan yang ada. Mood pengangkutan yang sekarang ini akan bertambah dengan adanya LRT. LRT, bukan secara menggantikan bas mini

atau bas-bas atau mana-mana cara pengangkutan yang lain. Kita anggap LRT ini juga penggunaan LRT atau kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur, juga bergantung kepada sikap kita terhadap LRT ini. Jika kita anggap LRT ini sebagai bas minilah, jadi orang-orang seperti Ahli-ahli Yang Berhormat, timbalan menteri dan sebagai takkan naiklah. Kalau kita anggap dia sebagai bas mini, kalau kita harus menganggap LRT ini ialah mood pengangkutan digunakan orang-orang daripada rakyat bawahan dan sampailah ke atas, sampai menteri dan sebagainya. Sebab ini kita dapat lihat di negara Barat di mana Metro dia atau underground dia digunakan oleh semua lapisan rakyat daripada yang bawah sampai ke atas, kalau di negara ini mempunyai prinsip yang sama kita rasa orang yang menggunakan kereta menggunakan driver boleh naik LRT. Kalau kita anggap, LRT itu hanya menggantikan bas mini maka kita akan balik masalah yang sama. Walau bagaimanapun selepas LRT ini berjalan dan kita rasa masih ada juga masalah pengangkutan atau masalah kesesakan jalan raya kita anggap cara-cara lain, cara-cara yang difikirkan perlu akan dijalankan. Buat sementara ini kita akan lihat dan kaji apakah LRT ini dapat sedikit sebanyak mengurangkan kesesakan jalan raya yang berlaku di bandar raya.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya ingin bertanya kepada timbalan menteri sama ada kerajaan atau DBKL atau kerajaan Selangor akan mengenakan quit rent atau assesment kepada syarikat LRT yang melalui tanah-tanah kerajaan tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad): Ini satu soalan yang agak futuristik, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat

belum dibincangkan lagilah, tapi kalau kita mengambil kira tentang jalan yang digunakan oleh PLUS maka ada tempat-tempatnya kita kenakan quit rent dan ada tempat-tempatnya kita tidak kenakan quit rent bergantung kepada penggunaan tempat itu.

(Soalan No. 22 - Tuan Yunof Edward Marinking tidak hadir)

23. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong) minta Menteri Pendidikan memberi penjelasan terperinci mengenai perancangan kerajaan "melaksanakan secara progresif sekolah satu sesi supaya pelaksanaan kegiatan kurikulum dan ko-kurikulum dapat dijalankan secara lebih teratur dan tersusun" seperti yang terkandung di dalam muka surat 342 dokumen Rancangan Malaysia Ketujuh. Apakah nasib sistem sekolah petang (Sekolah Agama) di Johor khususnya, bila perancangan kerajaan ini dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan sekolah satu sesi akan dijalankan dengan teratur dan tersusun dan tidak akan menjejaskan sekolah-sekolah agama termasuk di Johor kerana ia melibatkan masa tambahan di sekolah menengah sahaja. Murid-murid sekolah agama yang kebanyakannya daripada sekolah rendah boleh terus belajar seperti sedia kala.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan jawab mulut sudah sudah suntuk.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1,3,7,11,14,18,22 dan 24 hingga 75 dijlid dalam buku berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang." (11hb Julai 1996)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ya! Kota Melaka bangun.....

Tuan Lim Guan Eng: Atas, 23(2)

Timbalan Yang di-Pertua: 23

Tuan Lim Guan Eng: 23(2) dan 23(3)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menghantar dua soalan mengenai satu ialah mengapa kuota bumi perumahan masih belum dilepaskan selepas 6 bulan ia tidak boleh dijual seperti diarahkan oleh kabinet tetapi.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat, yang saya minta Yang Berhormat sebutan Peraturan Mesyuarat 23(2) - sebutkan isi kandungannya dan bukannya isi kandungan soalan yang tidak muncul ataupun soalan yang digugurkan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, tapi itu ada kaitan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sebutkan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa 23(2) dan 23(3) di mana 23(2) berkenaan soalan yang tidak muncul atau yang hilang mesti diberikan sebab. Saya baca Tuan Yang

di-Pertua, iaitu, "apa-apa pertanyaan yang telah diberitahu kepada Setiausaha atau telah diminta kebenaran hendak dikeluarkan dengan tidak didahulukan dengan pemberitahu jika pada timbangan Yang di-Pertua, menyalahi hak boleh mengeluarkan pertanyaan atau dikeluarkan dengan sengaja hendak menghalang atau merosakkan aturan perjalanan Majlis Mesyuarat atau menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum Malaysia atau melanggar apa-apa syarat dalam perkembangan dalam perlembagaan atau Akta Hasutan 1958 atau Peraturan ini maka boleh Tuan Yang di-Pertua mengeluarkan perintah:

- (a) berkehendakkan pertanyaan itu dicap atau dikeluarkan dengan apa-apa pindaan yang diperintahkan oleh Tuan Yang di-Pertua, atau
- (b) berkehendakkan Ahli yang mengeluarkan pertanyaan-pertanyaan itu diberitahu iaitu pertanyaannya tidak dibenarkan".

23(3), "jika sesuatu pertanyaan itu tidak dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua, maka Ahli yang mengeluarkan pertanyaan itu hendaklah diberitahu dengan surat oleh Setiausaha dengan diterangkan sebab-sebabnya tidak dibenarkan.."

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik, saya akan membuat keputusan Yang Berhormat

Tuan Lim Guan Eng: Ya, sehingga hari ini, sekarang saya masih belum menerima sebarang surat bahawa soalan saya ditolak. Saya tidak tahu, apakah sebabnya. Ini bukan kali pertama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, bersabit dengan apa Yang Berhormat Kota Melaka bangkitkan saya akan pastikan bahawa jawapan itu akan diberi kepada Yang Berhormat yang berkenaan, secocok dengan Peraturan Mesyuarat 23(2) dan 23(3). Saya rasa

Yang Berhormat, dalam perjalanan persidangan seperti ini tidak sesuai juga, sekiranya Yang Berhormat cuba hendak masukkan isi kandungan soalan...

Tuan Lim Guan Eng: Saya bukan hendak masukkan isi kandungan soalan, tapi hanya ingin memberitahu kepada Tuan Yang di-Pertua, bahawa ini bukanlah kali pertama dan saya rasa saya sudah pun bangkitkan perkara ini setiap kali sesi mesyuarat bermula dan saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh ambil perhatian kerana saya rasa kalau ini berulang-ulang. Ini nampaknya kelemahan yang begitu ketara ... sehingga hari ini masih belum dibetulkan ada sesuatu yang tidak kena Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu pun pernah dijawab. Keputusan saya adalah jelas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

Tuan Lim Guan Eng: Belum habis perbincangan, sambungan!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sudah habis dah!

Tuan Lim Guan Eng: Sudah habis?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bangun atas apa Yang Berhormat?

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada

Tuan Lim Guan Eng: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu Yang Berhormat, Kota Melaka bangun ini.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau kita merujuk kepada *Hansard* pada 11hb. Julai, pada muka surat 136 di mana pada akhirnya ada diberitahu bahawa masa untuk hari ini sudah cukup, boleh sambung minggu hadapan. Dan Ahli yang berucap berkata: "Ya, sambung, terima kasih". Kerana pada masa itu saya telah bangun tetapi tidak diberi peluang. Jadi, kalau saya tidak diberi peluang untuk berucap

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa, kalaulah Ahli Yang Berhormat yang berpeluang hendak bercakap tempoh hari itu, dia hendak minta sambung, itu perkara lain Yang Berhormat. Tetapi nampaknya Yang Berhormat, sekarang ini kalau Ahli Yang Berhormat hendak minta peluang untuk berucap, saya rasa sudah lewat.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi Ahli Yang Berhormat yang berucap itu diminta sambung pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hari ini sepatutnya Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa yang sedang berucap ialah Ahli Yang Berhormat dari Tambun. Kalau dia tidak mahu berucap, saya hendak bangun untuk mengambil bahagian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa perkara ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat dari Tambun, hendak sambung lagi?

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya, saya ada perkara yang hendak disambungkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah, kalau macam itu sambung. (*Ketawa*)

3.41 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang kepada saya untuk menyambung ucapan saya.

Saya ingin memulakan ucapan saya dengan menyentuh apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada tempoh hari. Beliau memuji-muji CPF iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Singapura. Jadi, saya ingin mendapat makluman daripada Yang Berhormat Menteri, berapa banyakkah dividen yang diberi oleh CPF kepada pencarum-pencarumnya supaya kita tidak mahu puji-pujian yang diberikan kepada negara luar adalah puji-pujian yang tidak berasas.

Pada minggu lalu, saya menyentuh tentang soal pelaburan. Saya menyatakan, saya tidak bersetuju dengan pandangan beberapa pihak yang menyatakan bahawa 50% daripada wang pelaburan semestinya dilabur dalam BSKL. Saya menyatakan bahawa kita tidak boleh meletakkan sejumlah besar wang di dalam satu-satu pelaburan terutama dalam BSKL kerana pelaburan itu merupakan pelaburan yang berisiko tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada menyatakan bahawa dengan pindaan kepada Fasal 26C, ini memberi peluang kepada KWSP untuk menubuhkan anak-anak syarikat. Saya bersetuju dengan pindaan ini dan saya dapati bahawa dengan adanya peluang kepada KWSP untuk menubuhkan anak-anak syarikat, ia memberi fleksibiliti di dalam pelaburan KWSP.

Sebagaimana saya beri contoh pada hari itu yang tidak sempat saya habiskan, saya mengambil contoh MBSB sebagai salah satu anak syarikat kepada KWSP di mana MBSB memiliki modal saham sebanyak RM122 juta pada 31hb. Disember, 1994. Keuntungan pada tahun tersebut adalah sebanyak RM52.2 juta, ini bermakna bahawa MBSB telah memperolehi return on investment sebanyak 24%. Ini dibandingkan dengan wang pinjaman KWSP kepada Perwaja umpamanya di mana KWSP pada 26hb. Mac, 1996 telah memberi pinjaman sebanyak RM600 juta kepada Perwaja yang diurus oleh Bumiputera Merchant Bankers dengan memperolehi faedah sebanyak 9% sahaja.

Saya berharap bahawa dengan adanya fleksibiliti ini, KWSP akan meningkatkan pelaburan dalam bentuk ekuiti dalam anak-anak syarikat dan menjadikan PNB sebagai contoh sepertimana yang telah disentuh oleh beberapa orang pembahas sebelum saya, mereka membandingkan KWSP dengan PNB di mana KWSP mampu untuk mengeluarkan dividen sebanyak 7.5% pada tahun 1995 manakala PNB mengeluarkan dividen dalam ASB sebanyak 13%.

Saya juga ingin menyentuh tentang soal perumahan kos rendah dan sederhana. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah tujuan KWSP melabur dalam projek perumahan kos rendah? Adakah ia bertujuan untuk memenuhi keperluan pencarum ataupun ia merupakan tanggungjawab sosial KWSP kepada negara memandangkan bahawa banyak badan terutama pihak swasta yang tidak berminat untuk menjalankan projek-projek perumahan kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ingin saya bangkitkan berkaitan dengan soal ini, adalah berkenaan dengan keuntungan yang rendah daripada projek ini. Sekiranya projek ini dilaksanakan bertujuan untuk memenuhi keperluan pencarum-

pencarum, ini memang memenuhi keperluan Akta KWSP kerana tanggungjawab KWSP terhadap kebajikan dan keselamatan sosial pencarum-pencarumnya.

Tetapi jika ia bertujuan untuk memenuhi keperluan sosial negara, ini bermakna bahawa KWSP telah digunakan untuk tujuan yang lain, bukan untuk tujuan pencarum-pencarum.

Di samping itu saya ingin menyatakan bahawa, dalam soal untuk mengadakan projek perumahan kos rendah, beberapa pendekatan strategi perlu diambil. Walaupun ia tidak bertujuan untuk mendapat keuntungan tetapi saya percaya jikalau pendekatan-pendekatan strategik diambil, ia boleh membuat projek-projek tersebut mendatangkan keuntungan.

Contohnya, dari segi pembayaran premium. Antara sebab pihak swasta dan lain-lain badan tidak berminat untuk membina projek-projek perumahan kos rendah adalah kerana kos tanah ataupun kos premium tanah untuk projek-projek tersebut sama tingginya dengan projek-projek perumahan kos sederhana dan projek-projek perumahan mewah.

Di dalam pengalaman saya, terdapat banyak tanah dan tapak perumahan yang diberi secara bayaran yang nominal, kalau ia bertujuan untuk memenuhi keperluan sosial. Oleh kerana KWSP merupakan salah satu badan kerajaan, saya percaya pihak KWSP boleh mendapat sokongan daripada kerajaan negeri di dalam kelulusan tanah-tanah tersebut, premium bayaran murah akan dikenakan.

Mengenai dengan rancangan KWSP untuk terlibat dalam pembinaan rumah kos sederhana, saya mengalu-alukan kerana ini bukan sahaja dapat memenuhi keperluan mendapatkan keuntungan juga ia tidak berisiko tinggi kerana ramai pembeli yang berminat ke atas projek-projek perumahan kos sederhana.

Saya juga ingin menyentuh tentang pindaan Fasal 29A di mana pencarum dibenarkan untuk melabur di dalam Institusi Pengurusan Dana yang diluluskan oleh pihak menteri. Menurut kenyataan Yang Berhormat Menteri, pencarum yang memiliki jumlah caruman sebanyak RM50,000 ke atas sahaja dibenarkan untuk menggunakan kemudahan ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah rasionalnya? Kerana kita sedia maklum bahawa rakyat berpendapatan rendah banyak merungut kerana mereka tidak berpeluang untuk melabur. Saya tidak nampak dari segi rasional apakah perbezaan di antara mereka yang mempunyai caruman lebih daripada RM50,000 dan bawah daripada RM50,000. Umpamanya, sekiranya, kerajaan meluluskan untuk pelaburan dalam ASB yang akan memberi pulangan sebanyak 13%, mereka yang mempunyai caruman yang di bawah daripada RM50,000 boleh mendapat pendapatan yang lebih dengan efektif marginnya sebanyak 5%. Jadi, tidak ada masalah dari segi itu, risikonya juga sama.

Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa antara sebab pindaan ini adalah ke arah untuk menyelaraskan rancangan kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat modal di rantau ini. Saya berpendapat, kita tidak boleh menggunakan KWSP bertujuan untuk itu, ia mesti ke arah untuk memberi pulangan yang terbaik kepada pencarum-pencarum. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengkaji bahawa mereka yang mempunyai caruman di bawah RM50,000 juga patut diberi peluang untuk melabur di dalam dana-dana yang diluluskan oleh kerajaan.

Perkara seterusnya mengenai dengan pinjaman dan debentur. Saya dapat lihat berdasarkan kepada penyata kewangan pada 31.12.1994 bahawa pinjaman dan debentur meningkat dengan begitu pesat. Pada tahun 1990 KWSP mengeluarkan pinjaman dan debentur sebanyak RM982

juta, manakala pada tahun 1994 sebanyak RM8.5 bilion. Saya ingin bertanya mengenai dengan peraturan-peraturan pinjaman dibuat. Kepada siapakah pinjaman-pinjaman ini dibuat, jenis-jenis projek, tempoh pinjaman, bentuk cagaran dan dasar kelulusan? Kerana di dalam kajian saya menerusi laporan tersebut, pinjaman-pinjaman yang sebesar ini hanya diberi kepada peminjam yang sedikit bilangannya. Bermakna kita meletakkan jumlah pinjaman kewangan yang besar dalam, dengan izin, in a few baskets. Kalau kita andaikan satu peminjam menghadapi masalah, ia akan mengakibatkan pelaburan KWSP dalam bentuk pinjaman dan debentur ini menghadapi kesusutan yang begitu besar. Sehubungan dengan itu juga, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, oleh kerana pada 16hb. Mac 1996 pihak KWSP telah memberi pinjaman sebanyak RM600 juta kepada Perwaja.

Saya ingin bertanya berapakah jumlah sepenuhnya yang KWSP telah pinjamkan kepada Perwaja, kerana sepertimana yang kita sedia maklum, Perwaja merupakan satu badan yang menghadapi masalah kewangan? Apakah syarat-syarat pinjaman tersebut, untuk tempoh waktu berapa lama, berapakah faedahnya dan apakah bentuk jaminan yang diberikan? Dan selain daripada itu, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah KWSP menghadapi sebarang masalah ke atas pinjaman-pinjaman yang telah diberikan sekarang kepada semua peminjam?.

Saya juga ingin menyentuh di bawah pinjaman dan debentur mengenai dengan sistem pemberian pinjaman ini. Di bawah departmen manakah yang mengelolakan pinjaman kerana jumlah sebanyak RM8.5 bilion ini merupakan satu jumlah yang besar? Kalau kita membuat perbandingan dengan bank perdagangan di negara kita, RM8.5 bilion ini, jikalau di letak di dalam sebuah bank, ia merupakan salah satu daripada 10 bank terbesar di dalam negara ini. Ini bermakna bahawa untuk memberi

pinjaman yang sebesar itu, kita tentunya memerlukan satu departmen untuk mengurus hal pemberian pinjaman ini yang begitu profesional yang menyerupai sebuah bank. Adakah pihak KWSP mempunyai sistem itu ataupun memberi pinjaman sekadar mendapat feedback daripada ejen bank dan berdasarkan kepada apa yang diberikan oleh ejen bank pihak KWSP meluluskan pinjaman tersebut? Kalau ini berlaku, ini bermakna bahawa KWSP tidak begitu profesional di dalam pengeluaran pinjaman tersebut.

Perkara seterusnya yang saya ingin menyentuh ialah tentang in-house expertise. Saya ambil dua contoh, pertama tentang pengurusan portfolio pelaburan. Di bawah sistem sekarang, KWSP menggunakan pengurus dana. Lagi satu contoh tentang fixed rate term loan, sepertimana yang saya sebutkan tadi kepada Perwaja sebanyak RM600 juta menggunakan ejen bank. Sepertimana yang kita sedia maklum, sama ada dia pengurus dana atau ejen bank, objektif utamanya adalah untuk mencari keuntungan untuk bank-bank tersebut. Dia tidak menjaga kepentingan KWSP. Saya berpendapat bahawa KWSP harus mempunyai in-house expertise. Umpamanya dari segi pelaburan dalam BSKL dengan jumlah yang besar. KWSP bukan sekadar mempunyai unit untuk mengurusnya tetapi boleh menubuhkan satu perbadanan ataupun syarikat untuk membeli bank ataupun syarikat broker untuk menjaga serta mengurus pelaburan-pelaburan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya ialah mengenai sistem pengurusan di KWSP. Dengan adanya pindaan Fasa 26(c), KWSP boleh menubuhkan perbadanan, menubuhkan anak syarikat serta mengambil alih syarikat. Di dalam pengalaman kita, antara punca kegagalan kepada satu-satu perniagaan ataupun badan-badan ekonomi ialah: pertama, kelulusan projek yang

tidak mengikut syarat, kedua, pengurusan yang tidak profesional; dan ketiga, tidak menjalankan sistem monitoring yang efektif. Saya yakin dan percaya pihak KWSP akan mengambil perhatian ke atas perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, mengenai dengan perlantikan CEO. Kadangkala kita merasa begitu benci apabila kita lihat satu-satu badan yang besar dan berjaya tetapi gagal kerana CEOnya tidak baik. Saya menyentuh perkara ini, walaupun saya tahu pihak KWSP akan memilih orang yang benar-benar baik dan layak, tetapi saya rasa sebagai seorang Ahli Parlimen, saya juga mahu mengingatkan kepada pihak KWSP bahawa perlantikan ini mesti berasaskan kepada profesionalisme. Ia tidak boleh berasas kepada unsur-unsur mengenang jasa, politik, kawan dan sebagainya. Begitu juga dalam pemilihan pengerusi untuk anak-anak syarikat ataupun perbadanan yang akan ditubuhkan dan juga dalam melantik pengarah-pengarah syarikat di dalam anak-anak syarikat di dalam KWSP nanti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka.

3.58 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan pada minggu lepas untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1991.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, yang saya ingin bertanya ialah tentang teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara tentang sistem perakaunan yang dijalankan oleh pihak KWSP dalam menilai dan menentukan pelaburan mereka; di mana adalah disebut dalam Laporan Ketua Audit

Negara pada tahun 1994 bahawa amalan KWSP (EPF) mengenakan 'unrealised gains', dengan izin, daripada pelaburan pasaran saham untuk membayar dividen kepada pencarum KWSP adalah, dengan izin, dangerous and imprudent atau 'bahaya dan tidak berhemat' - menurut Yang Berbahagia Ketua Audit Negara, Dato' Mohd. Khalil bin Mohd. Noor dalam laporannya pada tahun 1994. Dato' Mohd. Khalil juga mengatakan amalan ini tidak secocok dengan International Accounting Standard (IAS) nombor satu, dan mendedahkan EPF kepada risiko kewangan. Lembaga EPF (KWSP) telah menggunakan RM358 juta daripada jumlah RM1,117 juta yang mereka perolehi daripada 'unrealised gains' untuk membayar dividen kepada para pencarum.

Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua, unrealised gains merupakan 'paper profits' di mana ia masih belum diraih kerana saham-saham tersebut masih belum dijual, ia bukan sama seperti yang pernah didakwa oleh pihak kerajaan bahawa kerugian Bank Negara dalam pertukaran wang asing adalah paper loses. Oleh itu, ia adalah bukan kerugian yang sebenarnya, tetapi pada masa yang sama, kalau kerugian atas kertas adalah bukan kerugian yang sebenarnya, macam mana keuntungan atas kertas (paper profits) boleh digunakan untuk membayar dividen?

Saya rasa nampaknya ada 'double standard' dalam perkara ini yang telah ditonjolkan oleh Ketua Audit Negara. Oleh sebab itu, kalau kerugian atas kertas yang didakwa oleh kerajaan bukan kerugian sebenarnya, keuntungan atas kertas pun bukan keuntungan sebenarnya. Kalau ke arah keuntungan di mana dia dapat wang untuk bayar dividen? Kalau keadaan semacam ini, ini seperti untuk menunjukkan satu penyata kewangan yang lebih baik daripada keadaan sebenarnya. Kalau kita melihat daripada sudut syarikat-syarikat tertentu yang menggunakan dasar

perakaunan seperti ini, ini merupakan satu jenis, dengan izin, 'creative accounting' untuk menunjukkan anggaran atau keadaan keuntungan yang lebih baik daripada apa yang sebenarnya berlaku.

Dasar perakaunan, Tuan Yang di-Pertua, telah ditukarkan daripada 'historical cost' kepada 'market value', dengan izin, atau harga pasaran sejarah kepada harga pasaran semasa, kerana harga saham tersebut telah naik. KWSP telah mengecapi keuntungan sebanyak RM1,117 juta. Tetapi kita mesti faham bahawa ini merupakan keuntungan yang masih belum diperolehi dalam tangan. Kalau demikian, juga telah bercanggah seperti yang dinyatakan oleh Ketua Audit Negara sendiri. Kalau ini bercanggah dengan dasar dan prinsip perakaunan, macam mana perkara ini boleh dibenarkan, sama ada dalam standard-standard perakaunan peringkat antarabangsa ataupun tempatan, ia memang salah. Macam mana KWSP boleh benarkan atau boleh mengamalkan satu prinsip perakaunan yang salah ke atas penyata kewangan mereka? Kalau begitu, macam mana kita ada keyakinan lagi memberikan kuasa kepada KWSP untuk memperluaskan bidang pelaburan mereka. Macam mana rakyat ada keyakinan bahawa ia akan diuruskan dengan baik, dengan lengkap, dengan sempurna dan dengan berhemat, sedangkan Ketua Audit Negara sendiri menyatakan bahawa KWSP tidak berhemat dalam hal-hal urusan kewangan.

Saya rasa pihak Timbalan Menteri boleh menjawab perkara ini. Kalau ini tidak dibenarkan, saya harap perkara ini akan dibetulkan. Kerana ini satu perkara yang serius, menggunakan jumlah wang yang belum 'direalise', dengan izin, direalisasikan dan membayar interest. Saya rasa itu satu perkara yang amat luar biasa sekali. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh pihak kerajaan, EPF telah mengisytiharkan dividen sebanyak 8% dan pembayaran membabitkan hampir

RM6 bilion atau RM5,988 ribu juta dengan RM5,547 bilion datang daripada lebih semasa atau 'current surplus', RM82.5 juta daripada lebih terkumpul, dan bakinya RM358.1 juta daripada 'unrealised gains'. Dan unrealised gains ini sebanyak RM1,117 juta adalah ekoran KWSP menggandakan pelaburannya sebanyak tiga kali, daripada RM2.96 bilion tahun 1993 kepada RM8.46 bilion pada tahun berikutnya.

Dalam keadaan sedemikian, saya rasa rakyat tidak akan faham mengapa dividen yang dibayar oleh EPF pada tahun lepas telah dikurangkan kalau keadaan sebegitu baik. Saya rasa itu bukan satu 'contradiction terms', Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita ada wang, kita mesti bayar kepada para pencarum dalam tahap berjumlah yang memadai. Tetapi kalau wang ini bukanlah keuntungan sebenarnya, saya tidak faham macam mana pembayaran boleh dibuat. Ini yang pertama.

Yang kedua, kalau kerajaan begitu yakin tentang dasar pelaburan KWSP boleh mengecapi keuntungan atau pulangan atau 'internally rate of return' yang lebih besar daripada kegiatan-kegiatan kewangan dan ekonomi mereka sekarang. Untuk sepanjang tiga tahun ini, di mana mereka telah menggandakan pelaburan mereka, mengapa pula dividen EPF telah dikurangkan pada tahun lepas? Mengapa ini telah berlaku? Ini yang kita tidak faham. Saya rasa ini menunjukkan bahawa kawalan dan sikap berhati-hati mesti dipakai oleh pihak kerajaan. Kalau kita hendak luluskan EPF untuk memperluaskan bidang pelaburan mereka, apakah jaminan yang boleh kita berikan kepada para pencarum bahawa tidak akan berlaku skandal, di mana wang mereka akan diselewengkan. Kita ada unjukan, kita ada tanda-tanda yang berlaku, di mana Ketua Audit Negara sendiri menyatakan cara sistem perakaunan mereka bahaya dan tidak berhemat,

'dangerous and imprudent'. Untuk seorang akauntan menggunakan perkataan seperti ini adalah amat dahsyat sekali.

Saya rasa kalau ada akauntan di sini, ini seakan-akan merupakan satu 'exception reporting, exception Audit Report'. Timbalan Menteri Kewangan yang saya rasa fasih dalam perkara ini tentu faham, untuk seorang akauntan mengeluarkan perkataan seperti ini, dahsyat, sangat-sangat dahsyat. Bukan perkara biasa, 'imprudent, dangerous'. Oh, kalau dalam politik kita gunakan perkataan ini mungkin pihak kerajaan akan kata kita main politik. Tetapi itu akauntan cakap, itu Ketua Audit Negara cakap. Saya harap pihak kerajaan akan berhati-hati, ini bukan perkara main-main.

Kalau kita benarkan perkara ini berlaku, apakah accountability yang kita boleh berikan kepada pencarum yang merangkumi semua rakyat Malaysia? Apakah jaminan bahawa wang pencarum dan rakyat Malaysia akan digunakan dengan berhemat dan dengan baik. Kita boleh nampak, kita boleh lihat satu daripada pinjaman. Sebelum ini jarang sekali EPF atau KWSP memberikan pinjaman. Sekarang mereka berlagak macam bank, macam institusi kewangan 'of the last resort,' dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Untuk sebuah syarikat yang sudah digelarkan, telah diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri 'insolvent', bankrup, boleh pinjam RM600 juta. Saya tak faham, Tuan Yang di-Pertua.

Adakah pihak KWSP telah menjalankan analisa yang mendalam tentang pinjaman yang diberikan kepada Perwaja? Ini ialah satu Kertas Statut 91, tahun ini, dengan izin, "Fixed rate term loan agreement, RM600 million between Perwaja Rolling Mill and Development Sdn. Bhd. as borrower, and Employees Provident Fund Board as lenders, guarantee by the Malaysian Government,

dated 26th Mac, 1996." Ini bukan satu pinjaman yang lama, ini yang baru. Kalau ini dipinjamkan pada tahun lepas, belum skandal dan keadaan kewangan Perwaja diumumkan kepada orang ramai, kita mungkin faham, EPF tak tahu. Tetapi sekarang semua rakyat tahu. Sebuah syarikat insolven masih hendak pinjamkan wang kepadanya. Apakah rasionalnya? Apakah sebabnya? Saya rasa ini memang tidak waras, lebih-lebih lagi Perwaja Rolling Mill and Development Sdn. Bhd. merupakan salah satu daripada anak syarikat Perwaja yang paling teruk sekali dari segi penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah membuat laporan kepada BPR terhadap syarikat ini, di mana wang yang mereka pinjam sebanyak hampir RM600 juta tidak digunakan untuk tujuan sebenarnya. Kedua, pembayaran sebanyak RM76.4 juta dibayar kepada sebuah syarikat yang bernama Frilsham Entreprises Incorporated, sebuah syarikat di Hong Kong yang tidak memberikan sebarang khidmat atau membekalkan apa-apa barangan kepada Perwaja, tetapi Perwaja terus bayar sahaja RM76.4 juta, bayar dengan secara percuma.

Ini wang rakyat. Ini berlaku kerana Perwaja Rolling Mill and Development Sdn. Bhd. terbabit dan sekarang EPF hendak pinjamkan wang kepada Perwaja Rolling Mill and Development Sdn. Bhd. sebanyak RM600 juta. Apakah jaminan? Apakah ciri-ciri keselamatan yang kita boleh berikan kepada para pencarum bahawa wang ini tidak akan diselewengkan? Sedangkan bukan sahaja skandal membayar wang kepada satu syarikat yang lepas ini tidak wujud lagi, yang hanya ditubuhkan untuk menipu Perwaja sebanyak RM76.4 juta, tidak tahu apakah terjadi kepada wang ini dan sehingga hari ini tidak ada sebarang tindakan yang diambil oleh Perwaja untuk mendapatkan balik wang RM76.4 juta. Itu pertama.

Kedua, pinjaman sebanyak US\$196 milion loan atau kira-kira RM535.5 juta juga dipinjam oleh Perwaja Rolling Mill and Development Bhd. untuk membeli alat-alat gantian dan perkhidmatan untuk projek Beam and Section Mill sebanyak RM1.15 bilion di Gurun, Kedah. Tuan Yang di-Pertua, pinjaman ini tidak digunakan untuk tujuan yang dinyatakan iaitu membeli alat-alat gantian dan perkhidmatan untuk projek Beam and Section Mill. Sebaliknya pinjaman ini digunakan untuk membayar perbelanjaan capital dan hutang pinjaman serta termasuk membayar RM76.4 juta kepada syarikat lancong (bogus company) Frilsham Entreprises Incorporated Bhd. Kalau wang pinjaman ini boleh disalahgunakan mengikut fixed term loan agreement purpose, dengan izin. "The loan shall only be used for part payment of amounts due and payable to the providers of existing suppliers credit." Ini sangat luas. Yang pertama, sangat luas. Apa maksud itu? Sama juga suppliers credit. Selain dari RM600 juta oleh KWSP, Perwaja Rolling Mill and Development Sdn. Bhd. juga ada meminjam RM645 juta lagi daripada institusi-institusi kewangan yang lain. Semuanya kebanyakannya adalah daripada institusi-institusi kewangan tempatan. Tidak ada satu langsung syarikat-syarikat kewangan asing. Semuanya telah dikorporatkan di Malaysia.

Dengan kedua-dua pinjaman ini, ini bermakna bahawa hampir RM1.245 bilion telah dipinjam oleh Perwaja untuk existing suppliers credit. Apakah jaminan yang boleh kita dapati bahawa wang pinjaman ini tidak akan disalahgunakan sepertimana yang disalahgunakan oleh Perwaja Rolling Mill and Development Sdn. Bhd. pada masa lepas, gunakan wang untuk membayar sebuah syarikat yang tidak memberikan sebarang perkhidmatan dengan percuma bayar RM76.4 juta. Saya rasa itu satu soalan, satu isu yang sangat penting yang mesti dijawab oleh pihak KWSP dan pihak kementerian. Kalau

kita hendak luluskan rang undang-undang ini, kita mesti ada jaminan bahawa semua safeguards, semua prosedur kewangan diikuti untuk menghalang, untuk menyekat penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa berlaku.

Di sini saya tidak nampak macam mana kita boleh berasa yakin terhadap kemampuan KWSP. Satu perkara yang saya sebutkan tadi, oleh Ketua Audit Negara sendiri menyatakan, tidak berhemat, bahaya dan lagi meminjamkan wang kepada satu syarikat yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri sebagai insolvent. Macam mana kita boleh pinjamkan wang kepada sebuah syarikat yang insolvent? Atas dasar kewangan mana? Saya rasa itu satu perkara yang amat aneh. Sekarang yang kita ambil kira ialah wang rakyat. Ini bukan satu perjudian. Kalau ini satu perjudian pun, itu satu perkara yang tidak boleh diperjudikan kerana wang rakyat tidak boleh diperjudikan.

Saya rasa untuk corporate tycoon, mereka pun tidak akan buat apa yang dibuat oleh KWSP. Macam Yang Berhormat dari Rompin, seorang corporate tycoon, saya rasa kalau tanya dia sama ada dia rela meminjamkan wang kepada sebuah syarikat yang insolvent, saya rasa jawabannya tentu "tidak". Dia bukan orang bodoh, dia tidak akan buat macam itu. Betulkah tidak? Saya rasa dia pun tidak berani nafikan. Dia pun setuju. Kerana itu memang benar. Tetapi saya tidak faham macam mana KWSP boleh buat perkara seperti ini. Melainkan ia telah digunakan untuk kerajaan sebagai alat untuk menyelamatkan projek-projek yang menghadapi masalah kewangan yang teruk seperti Perwaja. Kalau KWSP digunakan sebagai dengan izin, lender of last resort, hanya untuk syarikat-syarikat yang bermasalah, saya rasa rang undang-undang yang kita hendak luluskan hari ini tidak bermakna, kalau kita tidak ada sebarang

kawalan langsung untuk memastikan ia selamat dan ia terjamin.

Saya amat kesal tentang perkara yang sama kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah menyatakan bahawa KWSP tidak dibenarkan untuk meminjam apa-apa lagi, no more loans, dengan izin, akan diberikan kepada Perwaja. Tetapi nampaknya baru-baru ini apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak laku. Kebelakangan inilah! Nampaknya apa yang dia cakap tidak laku. Pertama, laporan audit Price Waterhouse bagi Perwaja akan diumumkan. Selepas itu Perdana Menteri cakap tidak boleh diumumkan, dia sudah diam. Dia sudah diam! Tidak diumumkan, sungguhpun di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, ini perkara serius.

Dia sendiri memberikan jaminan, ia akan diumumkan secara umum. Ia akan diberitahu secara umum kepada rakyat kerana mereka berhak untuk mengetahui apakah keadaan sebenarnya dalam Perwaja yang berlaku sehingga menghadapi kerugian RM10.2 bilion ini. Beliau berkata rakyat berhak tahu kerana mereka adalah pemilik Perwaja. Semua dengar, semua pun tepuk tangan. Cakap masa itu sedap tetapi apabila hendak melakukannya tidak jadi. Apa sudah jadi? Itu yang kita hendak tanya kerajaan. Mengapa baru-baru ini semua pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak laku? Tidak laku? Seperti pasar. Macam ada tekanan yang lebih kuat daripada ataslah. Sungguhpun kita anggap dia stratospheric level, tetapi nampaknya ada kuasa yang lebih kuat daripada atas sehingga pengumumannya tidak jalan langsung. Ini pertama.

Kedua, tentang pinjaman yang diberikan oleh KWSP kepada Perwaja. Dia pernah nyatakan tidak akan dipinjamkan oleh KWSP kepada Perwaja.

Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak akan nafikan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada buat pengumuman serupa ini. Tetapi sekarang kita nampak RM600 juta dipinjamkan oleh KWSP pada Perwaja - 26hb. Mac. Menteri Kewangan macam ini saya rasa ada masalah. Kalau yang dia cakap tidak pinjam, lepas ini pinjam, saya rasa ada masalah. Masalah pertama mungkin, KWSP tidak mahu patuh arahan beliau. Saya rasa kalau begitu serius, tindakan mesti diambil. Atau kedua, adakah beliau sudah di "override"? Sudah kena override.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Rompin bangun hendak minta jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Tycoon corporate bolehlah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Penjelasan. Saya tertarik dengan hujah-hujah dari Yang Berhormat. Macam ada satu kebangkitan baru kalau dibandingkan dengan ucapan Yang Berhormat dari Tanjong baru-baru ini. Apakah ini menunjukkan Yang Berhormat bersedia untuk mengambil alih kepimpinan DAP? Kalau ini, saya mengucapkan syabas. Isu yang Yang Berhormat bangkitkan ini hanya hendak menyuarakan bahawa ada satu agenda DAP. Yang sebenarnya DAP tidak ada agenda. Agendanya rosak, tidak betul, itu sahaja. Apa sebenar dalam perkara ini yang hendak disyorkan oleh DAP? Dari segi pinjaman yang diberikan oleh KWSP kepada syarikat kerajaan, saya yakin pinjaman itu ada guarantee kerajaan. Apa yang kita risaukan sangat? Tetapi cuba hendak mengadakan sesuatu yang tidak ada. Saya ucapkan syabas kalau ini merupakan sepak mula untuk mengambil alih DAP. saya mengucapkan syabas.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan berkempen untuk pemilihan UMNO. So, saya tidak mahu dijerat oleh Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak kempen-kempen sendirilah. Tetapi masalah sekarang adalah satu perkara yang sangat serius, kerana sungguhpun digerentikan oleh kerajaan, ini semuanya masih wang rakyat. Adakah Yang Berhormat sudah lupa bahawa KWSP mendapat carumannya daripada semua pekerja di Malaysia dan kalau kita hendak pinjamkan wang, sungguhpun digerentikan oleh Kerajaan Malaysia itupun wang rakyat. Kalau RM600 juta ini hangus, siapa bayar? Kerajaan Malaysia! Siapakah "Kerajaan Malaysia"? Yang Berhormat, saya dan 19 juta rakyat Malaysia. Bukankah ini satu perkara penting? Bukankah ini satu perkara yang kita perlu tumpukan mengapa RM600 juta ini boleh didedahkan dengan risiko yang amat tinggi, dipinjamkan kepada sebuah syarikat yang nyata sudah insolvent?. Dengan izin, are we not throwing good money after bad, dan kalau begitu macam mana kita boleh yakin terhadap dasar dan pengurusan pihak Perwaja?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi Yang Berhormat-Rompin.

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Penjelasan. Analogy 'to throw good money to become something bad' dengan izin - tidak benar. Kalau misalannya kita berikan pinjaman wang KWSP kepada satu syarikat swasta yang tidak ada kena-mengena dengan kerajaan, itu mungkin betul. Tetapi ini ada jaminan kerajaan, saya ingat bandingan itu tidak betul. Yang Berhormat pun pakar juga, tetapi janganlah mengadakan benda itu

'to stress' dengan izin, dari satu inci jadi satu kaki -tidak benar analogy itu. Saya minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau corporate tycoon macam ini, saya pun merasa bimbang sedikit. (*Ketawa*) Saya tidak tahu macam mana-ini RM600 juta, wang ini sudah dikeluarkan oleh KWSP, kalau wang ini hangus, Kerajaan Malaysia gerenti akan bayar. Tetapi Kerajaan Malaysia dapat wang daripada siapa? Takkan Yang Berhormat tidak faham bahawa wang ini akan diperolehi daripada rakyat Malaysia. Serupa juga! Kalau KWSP tidak hilang, tetapi rakyat Malaysia akhirnya akan rugi! Bukankah ini satu perkara yang penting? Mungkin Barisan Nasional rasa ini tidak penting dan.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia bangun lagi-Rompin, hendak beri jalan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya...

Tuan Lim Guan Eng: Itu peluang dia, saya beri jalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, adakah syarikat ini sudah bankrap? Kita sudah dengar baru-baru ini satu plan pemulihan telah dikendalikan melalui penswastaan. Kalau kita dengar banyak industri besar dahulu, termasuk Proton sendiri pada ketika itu semua orang tidak yakin, sekarang ini sudah menjadi satu perniagaan yang besar dan kita bangga, dia bayar semua hutangnya, orang tepuk tangan. Industri besi ini merupakan satu industri nasional yang penting, saya tidak yakin bahawa kerajaan akan memastikan syarikat itu bankrap. Insolvent dari segi sekarang ini

kedudukan kewangannya, tetapi dengan adanya plan rescue untuk syarikat ini, saya yakin perkara ini dapat dipulihkan. Tetapi Yang Berhormat dari parti DAP memanglah tidak akan memberikan sokongan apa yang diusahakan oleh kerajaan. Kalaulah ini menjadikan satu cara Yang Berhormat dan ahli-ahli DAP-ha, itu saya sokong!

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa Yang Berhormat ini memang confuse, memang keliru, bukan sahaja dari fakta, tetapi juga dari segi motif.

Yang pertama, motif ini saya rasa terpulang kepada Yang Berhormat sendirilah. Saya rasa motifnya tidak begitu baik (jahat) sedikit. Tetapi kita bercakap dari segi fakta, bilakah pinjaman ini diberikan? Kalau kita lihat daripada agreement bertarikh 26hb. Mac, 1996 masa itu belum ada satu rescue plan, masa itu masih disiasat oleh Price Waterhouse. Mana ada rescue plan? Ini adalah pinjaman setelah syarikat ini diketahui sebagai insolvent. Kalau macam ini dua pinjaman (two tranches) sebanyak RM1,245,000 juta dipinjam sebelum rescue plan ini diumumkan. Bukankan ini selain daripada satu injection of fund sebanyak RM1.245 bilion ini supaya menjadikan satu rancangan penyelamatan - ini manis sedikit (sweeten the deal), dengan izin, dan menggunakan wang siapa? Pencarum-pencarum KWSP dan rakyat Malaysia. Untuk Yang Berhormat tidak penting-mungkin pemilihan UMNO lebih penting supaya boleh beritahu kepada ahli UMNO, "ha! sudah rescue". Tetapi sebenarnya rakyat yang rugi.

Saya rasa Yang Berhormat dan kerajaan tidak boleh menafikan bahawa Perwaja sudah hilang-sudah rugi secara terkumpul lebih daripada RM3 bilion dan menghadapi kerugian RM6-RM7 bilion termasuk ini. Kalaulah Perwaja tidak viable, dengan izin, ini yang kita hadapi, wang rakyat kerugian sebanyak RM10.2 bilion. Ini

bukan satu jumlah yang kecil - jumlah besar. Sungguhpun menghadapi jumlah kerugian besar, tidak ada tindakan diambil. Tan Sri Eric Chia sehingga hari ini, kita pun tidak tahu di mana dia pergi.

Sungguhpun sudah rugi RM10.2 bilion ini, tidak payah sebarang pihak yang bertanggungjawab; RM10.2 hilang, tidak ada akauntabiliti langsung. Macam mana kita boleh minta rakyat Malaysia boleh yakin terhadap kerajaan, terhadap KWSP yang sedia meminjamkan wang terhadap pihak seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, membina sebuah rumah kos rendah yang berharga RM120,000 - RM130,000, masih boleh pinjam macam itu! Tidak ada penyelewengan, tidak ada rasuah, tidak ada penyalahgunaan kuasa, masih boleh pinjam wang! Ini yang saya tidak faham rasional KWSP.

Saya mempersoalkan kewarasan KWSP. Nampaknya sudah hilang akal, kalau kita lihat dari sudut kewangan. Adakah pinjaman seperti ini yang dividennya dikurangkan daripada 8% kepada 7.5% pada tahun lepas akan dikurangkan lagi? Kalau pinjaman seperti ini memang baik, saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberikan jaminan dividen akan dinaikkan untuk tahun ini, naikkan kepada 8% atau 8.5% untuk menunjukkan keyakinan terhadap prestasi yang akan ditonjolkan oleh Perwaja dan bukan dikekal atau lagi teruk diturunkan. Balik kepada tahap lama sekurang-kurangnya 8% atau kalau tidak boleh 8.5%, boleh tak? Tidak boleh, tidak berani-tidak berani. So kalau tidak berani mengapa boleh pinjamkan wang kepada Perwaja? Ini yang kita tidak faham, bila ada banyak perkara yang tidak betul sepatutnya ada rekod, wang yang mereka perolehi dari pinjaman disalahgunakan. Ini bukan wang daripada KWSP, daripada syndicated loan US\$196 million-diselewengkan, tidak digunakan untuk tujuan yang ditetapkan.

Apakah jaminan yang kita boleh dapat bahawa kalau kita pinjam pun ia akan digunakan untuk tujuan yang ditetapkan? Tidak ada langsung.

Dan Ahli Yang Berhormat dari Rompin boleh mempertahankan amalan seperti ini. Mungkin boleh dapat nasihat sedikit daripada Penasihat Ekonomi Negara. Kalau tidak, saya pun khuatir tentang perniagaan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya, kalau kita hendak memberi kuasa kepada KWSP, kita bukan berikan kuasa kepada mana-mana syarikat biasa, kita berikan kuasa pelaburan kepada sebuah institusi kewangan yang maha besar dan sangat penting kepada rakyat Malaysia. Dan dalam perkara ini, saya juga ingin tahu, sejauh manakah penglibatan KWSP dalam Projek Bakun? Kerana pernah dinyatakan oleh pihak kerajaan, bahawa KWSP akan menanggung 10% daripada pinjaman atau kos pembinaan Projek Bakun.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan atau memberikan angka-angka dan memberi penjelasan yang mendalam dan terperinci tentang sejauh manakah pinjaman atau penglibatan atau jumlah wang yang akan dikeluarkan oleh KWSP untuk Projek Bakun? Kerana ini, saya rasa satu perkara penting. Kalau kita cakap 10% untuk Projek Bakun yang hampir-hampir RM15 bilion, ini merupakan jumlah sebanyak RM1.5 bilion yang akan dilaburkan oleh KWSP. Saya harap pihak kerajaan boleh menjawab tentang perkara ini dan juga tentang tindakan untuk memastikan wang yang dipinjam itu selamat. Apakah prosedur yang akan dimainkan?

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Rompin pun tak mahu kacau lagi, dia tak berani lagi!

Beberapa Ahli: Jangan lagi. Tak payahlah!

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin meminta pihak kerajaan untuk menuntut daripada CPF dari Singapura supaya mereka boleh membuat bayaran penuh kepada rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura kerana jumlah yang amat besar daripada gaji mereka telah dipotong untuk membayar kepada CPF Singapura dan saya telah menerima banyak rungutan tentang perkara ini.

Saya harap pihak kerajaan boleh berbincang masalah ini dengan CPF Board Singapura supaya satu penyelesaian yang memuaskan boleh dicapai. Kalau kita bercakap tak boleh 100%, sekurang-kurangnya sebahagian besar

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Rompin bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Mengenai apa?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan sedikit. Sebab cadangannya baik, itu saya hendak ulas sedikit.

Tuan Lim Guan Eng: Perwaja tak mahu lagi dah?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Berilah peluang dahulu. Cadangan itu baik, tetapi oleh kerana parti yang menguasai Singapura, kawan baik DAP, mengapa tidak kalau Ahli Yang Berhormat mengetuai perbincangan itu dan merujuk kepada Kerajaan Malaysia? Bukankah 'kawan-adik' dengan parti di Singapura ini?

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingat ini pun berita barulah bahawa Kerajaan Singapura kawan baik dengan DAP. Saya ingat mereka ini lebih berkawan baik dengan Perdana Menteri sehingga bekas

Perdana Menteri Singapura bercakap hendak masuk balik kepada Malaysia. Oleh sebab itu, saya rasa mungkin Ahli Yang Berhormat dari Rompin bukan sahaja telah sesat dari segi urusan kewangan tetapi juga sesat dari segi sejarah. Mungkin lebih baik Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong memberikan sedikit tunjuk ajarlah. Dari segi kewangan oleh Ahli Yang Berhormat dari Merbok dan sejarah oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa satu penyelesaian boleh dicari kerana perkara ini telah dibiarkan begitu sahaja dengan masa yang agak panjang dan saya harap kalau bukan 100%, sekurang-kurangnya sebahagian besar boleh dipulangkan kepada pekerja-pekerja Malaysia di Singapura. Saya harap bahawa perkara ini boleh dipercepatkan dan disegerakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yan.

4.35 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin (Yan): Tuan Yang di-Pertua, setiap pindaan yang dibuat oleh kerajaan, saya kira adalah untuk kebaikan rakyat dan kadang-kadang cuma cara kita mengimplementasikan program ataupun cadangan dari kerajaan itu yang dijalankan oleh manusia biasa ini kadang-kadang agak tidak tepat kepada sasarannya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum, KWSP ini adalah satu badan kerajaan dan kutipannya adalah daripada hasil titik peluh pekerja-pekerja dibantu dengan sokongan syarikat-syarikat ataupun badan-badan kerajaan lain untuk menghimpun wang-wang ini supaya mereka akan dapat hidup dengan lebih senang di masa hari tua, itu matlamatnya.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada KWSP, walaupun pihak

pembangking begitu angkuh sekali attack KWSP, tetapi banyak yang telah dilakukan oleh KWSP yang menguntungkan rakyat dan menguntungkan pelabur-pelabur itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, cuma sudah tentu kadang-kadang apabila sesebuah organisasi itu besar, kadang-kadang terdapat kesilapan-kesilapan yang mungkin tidak disengajakan dan mungkin juga ada kesilapan-kesilapan yang disengajakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini, supaya KWSP berhati-hati di dalam menubuh anak syarikat. Kita tidak mahu anak syarikat ditubuh, pertamanya bersaing dengan syarikat-syarikat yang ada pada hari ini. Bagi saya adalah lebih baik kalau KWSP ini menjalankan perniagaan usaha sama dengan syarikat-syarikat yang berdaya-maju, membina syarikat tersebut hingga ke tahap yang berjaya dan kemudian melepaskan syarikat tersebut supaya ia dapat bergerak dengan tersendiri. Ini salah satu daripada cara yang mungkin KWSP dapat jalankan, tak payahlah dia tubuh syarikat dia sendiri, anak syarikat dia dan sebagainya, kerana hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kita hendakkan syarikat walau jenis apa pun ada di Malaysia ini. Apa jenis syarikat pun ada. Hak yang sapu duit orang lari pun ada, yang melabur tak ada resit pun ada, macam-macam. Tetapi kita carilah hak yang baik-baik.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada ertinya kalau KWSP melaburkan wang di dalam syarikat-syarikat dan selepas itu dia duduk sahaja. Banyak terdapat syarikat yang demikian pada hari ini. Bagi saya PNB sendiri patut melepaskan pegangan mereka dalam syarikat-syarikat tertentu kepada usahawan-usahawan bumiputera yang berjaya dan mampu pada hari ini. Tak payah mereka 'dok peluk' terlampau banyak sangat, Tuan Yang di-Pertua. Beri

sedikit laluan kepada syarikat-syarikat bumiputera yang berdaya-maju dan boleh mereka ini dilistedkan di BSKL dan sebagainya. Ini lebih baik di samping kita mengaut keuntungan, kita membuka laluan kepada entrepreneur-entrepreneur bumiputera dan rakyat Malaysia yang ingin berniaga di tanah air kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, memanglah kadang-kadang kita memerlukan penubuhan anak syarikat, tetapi dengan kedudukan kewangan yang begitu kukuh yang saya kira kepada KWSP, mereka ini sepatutnya melihat organisasi badan-badan yang tertentu dan mereka masuk sebagai pelabur dan juga mempelajari mungkin sedikit sebanyak pengalaman-pengalaman yang telah syarikat-syarikat berkenaan ada.

Tuan Yang di-Pertua, tidak semestinya KWSP ini dia erti kesemua. Kadang-kadang kawan itu berkelulusan tinggi tetapi dia tidak ada pengalaman, baik hak yang ada pengalaman tidak ada kelulusan pun bagus, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang hak yang lulus tinggi pun dia cerdik, dia pederas habis! Yang dok collect organisasi-organisasi ini hak yang cerdik, Tuan Yang di-Pertua. Hak yang cerdik, hak yang tak soleh ini, dia pederas duit. Hak yang cerdik, hak yang ada pengalaman, yang ini dia taat dan dia buat kerja. Saya bersetuju juga dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tambun tetapi semestinya macam Tambun kata tadi, 'orang politik tak boleh duduk dalam itu'. Ada juga orang politik yang berkelulusan tinggi dan yang cerdik dan yang amanah.

Jadi, yang itu bukanlah maknanya kita tak boleh bubuh orang politik. Orang politik pun boleh duduk. Orang politik pun bagus!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Rompin bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan Ahli Yang Berhormat dari Yan tentang penglibatan orang politik. Adakah ini bermakna seperti Ahli Yang Berhormat sendiri merupakan orang yang aktif dalam Dewan Perniagaan di Kedah, adakah ini merupakan satu contoh bahawa orang politik yang profesional seperti Ahli Yang Berhormat boleh melibatkan diri? Saya minta penjelasan sedikit.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tak berminat hendak duduk dalam anak syarikat KWSP, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang orang politik ini pengalamannya lebih. Pertamanya, kerana dia bergelumang dengan rakyat, dia berkawan dengan rakyat, dia tahu masalah rakyat. Jadi, rakyat bercerita kepada dia yang ini tak kena, yang itu tak kena. Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, hak yang duduk di kerusi atas itu pun bukan dia erti semua, dia tak erti kesemua, tetapi hak yang di bawah ini dia nampak, tetapi dia hendak bercakap dia tidak ada saluran, dia beritahu kepada Wakil Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Wakil Rakyat ini, semakin sehari semakin cerdik, cuma Wakil Rakyat yang tidak berjiwa rakyat yang semakin sehari semakin bodoh, fasal dia tidak berkawan dengan rakyat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat orang politik campur dengan pengalaman kerja, dengan kelulusan dan sebagainya, boleh duduk di situ, dia faham. Dia faham, tentang KWSP ini, dia faham tentang pelabur-pelabur, titik peluh rakyat yang buat kerja, katalah kerja dalam panas, yang naik tiang elektrik atau tiang telefon, dia punya titik peluh, duit dia bubuh dalam KWSP—jadi, tanggungan itu berasa berat. Jadi, CEO yang hendak

diletak ini, kena cari orang jenis yang macam itu, yang faham, jangan naik-naik duduk dalam 'leather cushion' kereta itu dia tidak kira dah, dia tidak tahu kereta yang dia duduk itu kereta orang yang naik pokok dan naik tiang elektrik itu. Duit itulah yang duduk di dalam kereta Mercedes besar. kadang-kadang kita masuk, mejanya duduk di pintu mana pun kita tidak tahu hendak pergi - terlampau banyak. Jadi, yang ini kena jagalah. Tidak semestinya pejabat yang begitu indah akan mendatangkan keuntungan yang besar. Kadang-kadang bubuh kerusi satu, meja satu, petition writer di tepi jalan pun sehari perolehi RM150. Itu pelaburanlah. Jadi, kita kena jaga supaya anak syarikat boleh tubuh, tetapi jangan tubuh, dia bersaing pula dengan syarikat lain—seperti yang ada sekarang ini. Ini tidak ada maknalah, tidak ada matlamat.

Tuan Yang di-Pertua, kemudiannya, kalaulah KWSP ini duit banyak, saya mencadangkan, daripada kita memberikan pinjaman melalui bank ini, KWSP buatlah bank sendiri, tubuhlah bank sendiri atau anak syarikat sebagai bank. Gunakan keuntungannya, balik kepada pelabur-pelabur, fasal apa kita ambil duit kita beri kepada orang? Beri kepada bank itu, beri kepada bank ini, ataupun badan-badan ini, tetapi kita sendiri mesti organise, KWSP sendiri organise, KWSP sendiri memastikan bahawa wang-wang yang dikeluarkan daripada hasil titik peluh rakyat ini dilaburkan di tempat yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, berkenaan dengan rumah kos rendah, saya bersetujulah dan saya minta keutamaan diberi kepada pelabur-pelabur KWSP itu sendiri. Maknanya, kalau orang itu dia hendak rumah kos rendah yang dijalankan oleh KWSP, siasat balik sama ada dia ini ahli atau tidak, kalau dia ahli, melabur dalam KWSP, keutamaan kena beri kepada dia dan kita pastikan kalau boleh, rumah kos rendah biarlah serendah yang boleh. Kita kena kasihan, dalam

KWSP ini ada yang sebulan itu melabur sampai RM1,000 ada yang melabur RM2.00—RM3.00 pun ada, jadi, biarlah, keuntungan itu diagih bersama.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya mencadangkan eloklah rumah kos rendah dan sederhana ini dimain peranankan oleh KWSP tetapi janganlah sampai merugikan KWSP—mesti menguntungkan, di samping memberi perkhidmatan balik kepada pelabur-pelabur di dalam KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan bahawa KWSP dapat menjadi 'land bank'. Kita tubuhkan satu unit 'land bank' kepada pelabur-pelabur bumiputera ataupun harta-harta milik bumiputera yang tidak mampu dibeli pada hari ini, kerana hari ini banyak tanah yang tidak dapat dimiliki oleh bumiputera disebabkan ketidaksampaian atau kemampuan untuk membeli bangunan-bangunan dan tanah-tanah tersebut. Jadi, walau pun KWSP terdiri daripada semua bangsa dan kaum, tetapi saya kira kita boleh tubuhkan satu unit land bank untuk memastikan bahawa tanah-tanah ini dipegang sementara oleh KWSP dan apabila orang-orang Melayu ataupun bumiputera mampu memiliki bangunan, tanah ataupun ekuiti tersebut, maka ini dipindah ataupun dibeli melalui KWSP. Saya kira ini adalah satu pelaburan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sangat berharap Kementerian Kewangan akan dapat mengawasi KWSP ini dengan meletak pegawai-pegawainya yang berhemah tinggi, pegawai-pegawai yang bertanggungjawab supaya tidak ada berlaku kesilapan dari segi pelaburan ataupun dari segi pinjaman dan sebagainya. Kalau boleh saya ingin mencadangkan supaya KWSP janganlah melabur di dalam pelaburan-pelaburan yang risikonya tinggi, kerana ini akan merugikan balik. Walaupun dividen yang diberikan pada tahun ini agak menurun, tetapi, saya

sokong dengan pandangan kerajaan, bahawa ini adalah jaminan kerajaan—dia turun sedikit tidak apalah, berniaga ini dia pasang surut, kadang-kadang dia pasang—dia naik, kadang-kadang dia surut, jadi, tidak ada apalah. Kalau kita hendak 'pasang' selalu takut dia naik sampai ke hidung—lemas. Jadi, biarlah begitu, masa surut, biarlah surut, waktu pasang, dia pasang, jadi, masa untung itu tidak ada siapa yang hendak mengucapkan terima kasih.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak mencari kesilapan, kita naik rumah orang, jangan naik ikut dapur, kita naik ikut depan. Kalau naik ikut dapur, macam-macam yang kita tengok. Sebab itulah kita kata, kalau hendak masuk makan di kedai, jangan pergi bilik air dahulu. Kadang-kadang 'nasi kandar' itu sedap di depan, cuba kita pergi tengok di belakang, tidak gamak hendak telan. Jadi, kita datang ikut depan. Jadi, kalau kita hendak cari salah dan silap, apapun kita tidak boleh luluskan dalam Dewan Rakyat ini. Kita bimbang, kalau lulus jadi macam itu, kalau lulus satu Rang Undang-undang takut jadi macam ini. Jadi, kalau kita dok takut selalu, lama-lama kita tidak tidak akan berjaya dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi 'last'—saya nampak Timbalan Menteri pun gelisah fasal dia melengoh sudah tunggu lama. (*Ketawa*). Sudah dua hari, nasib baik 'rest' dua hari. Jadi, saya berharaplah KWSP ini akan berusaha sama dengan syarikat-syarikat bumiputera yang berdaya maju dan juga membantu skim-skim vendor yang dianjurkan oleh kerajaan, yang diberi jaminan pemasaran oleh syarikat-syarikat induk. Jadi, yang ini kita adalah investment yang tidak akan merugikan. Cuma kita buat benda dan sudah ada orang yang hendak beli. Jadi, yang ini saya harap KWSP juga akan memberi peluang memastikan bahawa ahli-ahlinya yang bersara ini pun dimasukkan ke tempat-tempat yang boleh

mereka berkhidmat di dalam anak-anak syarikat ataupun di dalam investment-investment company yang telah mereka melaburkan diri. Yang sudah bersara dan sebagainya beri peluang tetapi yang sudah tidak boleh, yang sudah jammed dia punya capacity, hak yang tiga silinder itu, tidak apalah, kita lay-off, tetapi yang mampu lagi, supaya mereka ini juga mendapat nikmat bukan setakat dividen, tetapi juga boleh bekerja di dalam syarikat-syarikat yang dilaburkan oleh KWSP dan juga anak-anak syarikat yang akan ditubuhkan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, last sekali, kalaulah KWSP hendak menubuhkan juga anak syarikat, pastikan jangan mereka ini meletakkan ahli-ahli lembaga pengarah yang tidak tentu hala, yang tidak kena, kadang-kadang dia itu pakar pertanian, tetapi kita bubuh dia untuk membuat kapal terbang. Jadi, tidak kenalah, celaruh. Jadi, kita bubuh orang-orang yang pakar dari segi pekerjaan dan mahir dan saya minta jangan dibubuh sangat, kadang-kadang seorang itu memegang sampai 10, 11 pengarah, sampai dia tak dan hendak membaca minit mesyuarat, dia kira dok sokong sahaja, masuk-masuk sahaja—sokong. Sokong apa? Apabila ditanya, dia pun tidak tahu. Jadi, bubuhlah, sekarang ini banyak, zaman sudah maju, banyak orang yang cerdik pandai—bubuh, macam ahli-ahli Dewan Rakyat—yang mana patut, bubuhlah, Tuan Yang di-Pertua. Macam Balik Pulau, Tambun—itu semua entrepreneur di masa akan datang, profesor-profesor semua—dia profesor, jangan main-main, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, bubuh mereka ini. Saya tengok kadang-kadang dalam badan-badan kerajaan ini, dia bubuh kawan itu sampai tak dan turun tangga, fail penuh dalam motokar, sekejap lagi hendak mesyuarat, baru baca minit mesyuarat bulan sudah, naik-naik mesyuarat. Jadi, waktu bila dia boleh hendak memberi satu pandangan—

sudah jammed fikiran dia. Jadi, kita jangan lantik. Saya mintalah KWSP fikir habis-habis. Banyak lagi—pegawai-pegawai tinggi yang umur lebih 40 tahun yang berasa hendak bersara, kalau nampak dia berdaya maju, letak dia di situ ataupun pegawai-pegawai dalam KWSP yang berasa dia boleh hendak berdikari—bubuh dia di situ, kerana pengalaman. Wakil-wakil rakyat yang tidak ada lagi jawatan—letak di situ, supaya mereka ini juga akan dapat memberi sumbangan khidmat kepada KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, itulah harapan saya dan saya menyokong penuh pindaan yang dibuat dan saya berharap KWSP akan dapat menambahkan lagi pulangan kepada pelabur-pelabur yang saya kira pelaburan daripada titik peluh mereka, bukan pelaburan daripada simpanan mereka. Simpanan ini, kalau kita ada duit lebih, kita simpan dan kita melabur, tetapi yang ini, daripada hasil titik peluh mereka, seharian membanting tulang untuk mencari rezeki dan duit ini kita letak sebelah untuk mereka nikmati di masa hari tua ataupun di masa mereka memerlukan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tumpat. Selepas ini kementerian akan menjawab.

4.50 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang telah diberi kepada saya untuk bercakap mengenai suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 dalam Dewan yang mulia ini.

Ada beberapa perkara yang menarik perhatian saya, Tuan Yang di-Pertua, iaitu yang pertama mengenai memberi kuasa yang agak lebih kepada menteri. Saya

harap walaupun menteri diberi kuasa yang lebih, saya rasa hendaklah menggunakan kuasa yang diberi itu dengan sebaik-baiknya. Kita tidak mahu dengar cerita-cerita di masa-masa yang akan datang yang berlaku terhadap menteri yang berkenaan seperti yang telah berlaku di Korea, Jepun dan sebagainya.

Selain daripada itu juga, dalam Fasal 4 dan 5 di mana pihak KWSP dalam Bill pada hari ini telah meluaskan ahli, membenarkan ahli terlibat dalam pelaburan saham, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Timbalan Menteri sewaktu mengemukakan beberapa hari yang lepas, dan juga bagi meluaskan pelaburan KWSP. Beberapa rakan kita telah memberi peringatan dalam persoalan ini dan saya rasa pihak kementerian perlulah mengambil perhatian di atas teguran-teguran dan peringatan-peringatan yang telah diberi, sama ada di pihak Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kerajaan ataupun daripada pembangkang yang telah memberi ucapan dalam Dewan ini.

Selain daripada itu, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kewangan di mana telah tidak lagi melaburkan wang simpanan KWSP dalam institusi-institusi yang bertentangan dengan syariat Islam. Perkara ini telah dijelaskan oleh pihak Timbalan Menteri sewaktu menjawab soalan tambahan daripada saya dalam Dewan ini pada hari Rabu atau Khamis yang lepas. Setahu saya UIA sedang mengkaji untuk mengislamkan KWSP. Ini berdasarkan di atas permintaan daripada pihak kerajaan sendiri. Cuma yang ingin saya tahu, setakat ini sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai dalam persoalan ini? Apakah cadangan-cadangan yang telah diberi oleh pihak UIA dan apakah Bill yang dikemukakan pada hari ini kepada kita ialah termasuk beberapa perkara yang telah dicadangkan oleh pihak UIA kepada pihak kerajaan? Juga dalam beberapa hari yang lepas, Timbalan

Menteri Kewangan telah menyatakan dalam Dewan ini juga bahawa setakat ini belum lagi ada peruntukan untuk membolehkan pencarum mengeluarkan wang zakat melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, syariat Islam telah ada peruntukan dan kewajipan membayar zakat bagi penabung atau pencarum yang beragama Islam dan juga perniagaan. Zakat wajib dikeluarkan apabila cukup haulnya, iaitu cukup jumlah yang tertentu dan dalam tempoh dan waktu yang tertentu.

Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebab pihak KWSP tidak boleh melaksanakan hal ini. Cuba kita bayangkan kalau wang zakat itu dikeluarkan oleh KWSP dan wang ini juga dilaburkan dan dibahagikan menurut asnaf yang telah ditentukan dalam Islam. Saya rasa perkara ini adalah lebih rasional saya tidak dapat faham kenapa pihak KWSP tidak dapat melaksanakan hal ini. Sedangkan setahu kita pihak Lembaga Tabung Haji telah pun melaksanakan. Saya kira ini tidaklah bertentangan dengan prinsip KWSP, iaitu bagi simpanan untuk hari tua. Saya kira selain simpanan untuk hari tua, simpanan untuk hari akhirat juga kita mesti memikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi selain daripada simpanan untuk hari tua, ia juga perlu dijaga bahawa wang yang bakal diperolehi betul-betul bersih di sisi syariah. Jika tidak, ia tidak pasti akan membawa keberkatan kepada pencarum, sama ada di dunia ataupun lebih-lebih lagi di akhirat. Untuk memberikan wang simpanan KWSP selain daripada pelaburan yang bersih, urusan dan perjalanan juga saya rasa mestilah bersih. Bagi membersihkan perjalanan dan pengurusan KWSP, saya rasa persoalan bagi mengeluarkan zakat bagi pencarum-pencarum umat Islam perlulah difikirkan bagaimana cara yang sebaiknya, yang seharusnya kita lakukan.

Selain daripada itu, saya juga difahamkan—kalau tidak betul, saya minta supaya diperbetulkan, di sini adalah pengalaman saya sendiri, mula-mula kita hendak menabung dalam pelaburan KWSP ini, mestilah kita menamakan seseorang. Kalau isteri pun seorang sahaja dan kita menamakan isteri kita. Kecuali dia mati, kita ganti yang lain. Kalau tidak isteri, ataupun orang-orang yang lain yang kita percaya, anak kitakah dan sebagainya; atau seseorang sebagai ahli waris, iaitu mereka bakal menerima wang KWSP itu apabila pemegang KWSP itu meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah memperingatkan di sini sesuai dengan kerajaan sekarang ini ke arah melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam, saya rasa persoalan-persoalan seperti ini juga mestilah diperbetulkan. Sebab setahu saya menurut prinsip Islam apabila seorang pencarum itu meninggal dunia, wang simpanan itu akan menjadi hak ahli waris. Cuma dalam hal ini Islam telah membenarkan untuk mewasiatkan sejumlah daripada harta kepunyaan atau pelaburan yang telah dilakukan. Apakah selama ini KWSP telah berjalan menurut cara ini? Saya rasa kalau tidak menurut cara ini supaya cubalah menurut cara ini atau perbetulkan mana-mana yang tidak betul.

Selain daripada itu, saya ingin mengetahui masalah pelaburan KWSP selain daripada Perwaja yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi, selain daripada projek Lapangan Terbang di Sepang. Apakah pelaburan-pelaburan yang telah dilakukan oleh KWSP di masa-masa yang lalu dan di masa sekarang ini, dan berapakah jumlah penglibatan wang dalam pelaburan tersebut?

Dan juga sebagaimana isu yang banyak diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada hari Khamis sehingga

hari ini ialah masalah perumahan. Saya rasa masalah isu perumahan ini dan Timbalan Menteri Kewangan sendiri telah berucap dan meminta supaya KWSP melibatkan diri secara aktif dalam projek perumahan kos murah ini.

Apa yang saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua, sehingga setakat ini sejumlah berapa ramaikah pencarum yang telah memohon dan wangnya telah dilulus untuk membeli rumah murah ini dan berapakah jumlah wang yang terlibat dalam pengambilan wang pelaburan mereka untuk membeli rumah ini?

Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak KWSP tidak boleh wujudkan bank perumahan misalnya? Sekarang ini heboh kita membincangkan soal bank bayi, yang telah diheboh diperkatakan sekarang ini. Bagaimana menurut pandangan Islam, boleh ataupun tidak? Saya rasa perlu bank perumahan ini ditubuhkan iaitu bagi menyelesaikan masalah perumahan kos rendah kepada rakyat terutama di bandar-bandar yang besar. Sebab kalau kita mengharapkan pada swasta untuk membuat rumah harga murah ini, harga RM25,000 atau RM35,000 ini, saya rasa kalau di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, kita hendak mendapat sebidang tanah yang sekangkang kera dengan wang RM30,000 sudah tentu tidak terdapat di Kuala Lumpur ini. Bagaimana hendak buat rumah lagi? Kecuali pihak kerajaanlah mengambil inisiatif, selain daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya rasa KWSP boleh mengambil tindakan sewajarnya.

Sebagaimana yang kita tahu, selama ini KWSP telah mengeluarkan sejumlah wang kepada pencarum untuk membeli rumah dan selain daripada itu, apabila pencarum tidak mencukupi wang yang diambil daripada KWSP, pihak pencarum terpaksa buat pinjaman dengan bank dengan memikul risiko yang agak tinggi. Saya rasa apakah pihak KWSP tidak boleh

mengatasi persoalan-persoalan seperti ini? Membuat bank perumahan, mana-mana pencarum yang tidak ada rumah boleh daftar dengan KWSP, berapa kadar wang yang dapat KWSP keluarkan mengikut kadar yang patut, mana-mana duit yang tidak mencukupi, pinjam dengan KWSP dengan kadar bayaran balik yang agak murah. Tempoh 20 tahunkah, RM30 sebulan? Jangan jadi macam bank sekarang. Kebanyakan pencarum yang agak daif, golongan berpendapatan rendah, buruh, petani dan nelayan kita tengok sudahlah bahagian yang dia dapat perolehi daripada KWSP untuk membeli rumah ini agak kecil, dipinjam pula daripada bank dengan dikenakan interest yang agak tinggi, akhirnya mereka sentiasa memikul masalah yang tidak pernah selesai.

Saya rasa kalau di Singapura walau pun ia tidak ada bank perumahan, masalah perumahan ini CPF di Singapura telah dapat melaksanakan peranannya terhadap bagi memenuhi keperluan perumahan rakyat yang berpendapatan rendah khususnya.

Sekali lagi saya menyatakan bahawa apa yang berlaku sebelum ini bahawa apabila hendak mendapatkan sebuah rumah, apabila wang daripada KWSP tidak mencukupi, mereka pergi ke bank untuk mendapatkan pinjaman tambahan dan cara itu saya rasa amatlah merumit dan sangat membebankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui bagaimanakah penglibatan pelaburan KWSP dalam projek perumahan setakat ini? Apa yang kita tahu sehingga setakat ini KWSP telah melibatkan diri dalam projek perumahan ini tetapi sehingga setakat ini sejauh manakah pencapaian yang telah dicapai oleh pihak KWSP di atas projek-projek atau penglibatan KWSP dalam projek perumahan harga rendah itu?

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah apa yang dapat saya sebut. Yang

lain-lain telah pun disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Diminta kementerian jawab.

5.05 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Kepong, Tambun, Kota Melaka, Yan dan akhir sekali Tumpat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang KWSP (Pindaan) ini.

Saya menghargai teguran, cadangan, kritikan mereka mengenai dengan apa yang tercatat di dalam tanggungjawab dan fungsi KWSP selama ini. Saya ingin menjawab secara umum mengikut isu-isu dulu, selepas itu saya akan cuba menjawab satu persatu soalan spesifik yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Isu-isu yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah yang pertama yang paling penting ialah persoalan dividen. Yang kedua, perlunya sikap berhati-hati ataupun dengan izin, prudents di dalam pelaburan. Yang ketiga, mengenai dengan projek rumah kos rendah oleh KWSP. Yang keempat, kadar-kadar pemotongan gaji yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian dan tidak disetujui oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Yang kelima, kredit membeli rumah. Yang keenam, pelaburan dalam hartanah. Yang ketujuh, soal kaitan KWSP dengan peristiwa Perwaja. Yang kelapan, pemberian dividen dari unrealised profit, dengan izin dan yang akhir sekali ialah mengenai dengan zakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menangani masalah dividen dulu.

Mengenai dasar dividen, KWSP seperti yang dibangkitkan oleh boleh dikatakan semua Ahli Yang Berhormat yang berucap, sukacita saya jelaskan bahawa mengikut Akta KWSP 1991, KWSP hendaklah mengisytiharkan dividen tahunannya pada kadar yang tidak kurang daripada 2.5%.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menghujah hakikat dividen ini kerana banyak kekeliruan berlaku mengenai dengan kefahaman apa itu dana KWSP. Seperti yang dibangkit dalam hujah-hujah Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat cuba hendak membandingkan dana KWSP dengan misalannya dana PNB. Ingin saya nyatakan dua dana ini adalah berlainan. Dana PNB keseluruhannya adalah untuk pelaburan. Dana KWSP pada asasnya ialah untuk memastikan orang-orang yang berhenti kerja mendapat pendapatan terus. Jadi asas PNB adalah untuk keuntungan semata-mata. Asas KWSP adalah semata-mata untuk keselamatan ataupun dengan izin, security. Jadi, ini mesti diingat dulu. Kerana kalau kita tidak dapat membezakan hakikat ini, maka kita akan dipesongkan dengan hujah yang kononnya menggunakan apa yang kita kata premis yang sama iaitu persamaan dana. Sebenarnya tidak wujud persamaan sifat dana-dana ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak mengambil peranan KWSP di dalam soal keselamatan (security) pekerja sahaja selepas berhenti kerja, maka pada idealnya keseluruhan dana KWSP yang RM103 bilion itu yang dicarumkan oleh 7.6 juta pencarum itu, dibubuh semua dalam sekuriti Kerajaan Malaysia yang menjamin pendapatan 4% hingga 5% dan KWSP boleh bayar 2.5% statutori dividennya yang disebut dalam akta. Itu paling senang buat kerja. Kalau inilah satu penghujung ataupun satu pola yang paling konservatif-tetapi masalahnya, Tuan Yang di-Pertua ialah jikalau kita belajar ilmu ekonomi, di dalam discount rates iaitu wang pada zaman atau pada

hari ini RM100 tidak bersamaan nilainya dengan wang RM100 pada tahun 2000 kerana persoalan diskaun, persoalan inflasi dan lain-lain lagi. Jadi, KWSP terpaksa memainkan peranan iaitu memastikan bahawa wang RM100 pada hari ini adalah sama nilainya dengan wang RM100 pada tahun 2000, 2005 ataupun 2010. Inilah yang dipastikan.

Pertama, KWSP perlu memastikan bahawa dividen yang diberi itu sekurang-kurangnya melebihi kadar inflasi—iaitu inflasi mengurangkan dan yang membeli—membeli wang.

Kedua, KWSP memastikan keseluruhannya pada zaman ataupun masa pekerja itu bersara wangnya yang dilaburkan RM100 itu mesti bernilai RM100 juga pada 10 tahun atau 20 tahun yang akan datang. Jadi, inilah dasar-dasar yang dibuat untuk kita melabur ataupun membuat wang daripada dana KWSP selain daripada membubuhkannya di dalam sekuriti Kerajaan Malaysia semata-mata. Inilah rasional yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa wang caruman ahli-ahli KWSP adalah juga mendapat sumbangan daripada majikan. Tiap-tiap 11% diberi sumbangan 12%, itupun boleh juga dikira sebagai pendapatan kepada kapital. Jadi, semua ini mesti kita ambil kira apabila kita menghujahkan mengenai dengan apa yang didapati oleh pencarum-pencarum, jangan hanya tengok dividen sahaja, tetapi tengoklah sumbangan daripada majikan sama. Inilah sebagai permulaan atau asas untuk saya memastikan bahawa apabila kita menghujahkan mengenai dividen, kita ingat faktor itu sebagai latar belakang.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya membawa balik Ahli-ahli Yang Berhormat kepada sejarah KWSP yang ditubuhkan pada tahun 1952. Daripada tahun 1952

sehingga tahun 1959 KWSP memberi dividen hanya pada kadar 2.5% sahaja, daripada tahun 1960 ianya naik kepada 4%, tahun 1963 naik kepada 5% dan sehingga tahun 1975 ianya naik kepada 6.60%. Pada tahun 1976 pula ianya naik kepada 7%. Manakala pada tahun 1979-1980 ianya naik 8% dan seterusnya pada tahun 1983 naik 8.5% yang dipertahankan sehingga tahun 1987. Pada tahun 1988 pula menjadi 8% balik iaitu turun dan pada tahun 1994-1995 ianya turun sebanyak 7.5%.

Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat melihat sejarah KWSP tentu Ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa penurunan 7.5% itu bukanlah penurunan yang pertama ataupun merupakan kadar penerimaan dividen oleh pencarum-pencarum yang paling rendah. Di sini ianya naik turun kerana pelaburan sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa kita bukan memberi dividen kepada pencarum-pencarum KWSP berdasarkan prinsip 'riba' yang mana kita berjanji dahulu. Ini adalah berdasarkan kepada keuntungan ataupun kerugian. Oleh itu, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat dan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian pun tentu sedia maklum bahawa ini tidak melanggar prinsip-prinsip ekonomi Islam. Jadi, kita mesti menerima hakikat naik-turun, 7.5% kalau dibandingkan daripada tahun 1974 ke bawah adalah lebih tinggi daripada ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, apa yang saya hendak tekankan itu adalah sebagai asas yang kedua di dalam kita memberi appreciation dengan izin, kepada tugas dan tanggungjawab KWSP. Yang pentingnya kalau hendak dilaburkan dana KWSP ini kita tidak boleh melabur kesemuanya di dalam tempat-tempat yang mempunyai risiko tinggi misalnya kita membenarkan hanya 15% sahaja daripada keseluruhan dana KWSP dilabur di dalam equity market dan capital market.

Kita membenarkan pencarum-pencarum mengambil daripada akaun yang pertama dan hanya 20% sahaja kelebihan daripada RM50,000 simpanan di dalam akaun yang pertama. Jadi, semua itu dibuat mengikut kehendak-kehendak penjimatan, kehendak-kehendak kewarasan ataupun dengan izin, kehendak-kehendak prudents. Oleh itu, tidak adillah kalau hendak dibandingkan dengan PNB, kerana PNB boleh melabur keseluruhan RM60 kutipannya, tetapi KWSP hanya boleh melabur 15%.

Sekarang KWSP sepatutnya melabur RM15 bilion, tetapi pada masa ini saya diberitahu KWSP telah pun melabur sebanyak RM12 bilion belum sampai RM15 bilion.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Rompin.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, maknanya tidak benarlah hujah-hujah DAP itu, termasuk Yang Berhormat dari Kepong bila dividen kurang dari 8% kepada 7.5% seolah-olah hendak digambarkan oleh pembangkang sebagai 'tenat' benarlah EPF ini. Saya minta kenyataan dari Yang Berhormat Dato' bahawa ini hanya 'omong-omong politik' yang hanya hendak dicanang untuk mendapat mileage politic seperti Yang Berhormat dari Kepong.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya tidak tahu adakah Yang Berhormat dari Kepong yang kata begitu, tetapi Kepong ini dia minta kita memastikan bahawa dasar-dasar pelaburan KWSP mestilah 'cocok' dengan kehendak. Saya

tidak tahu apa yang dimaksudkan 'cocok'. Kalau mengikut Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena dia tidak faham 'cocok', jika 'cocok' itu di Kedah maksudnya 'kuih cucur'. Di sini dia mengatakan, saya quote 'dasar pelaburan mestilah cocok dengan matlamat utama KWSP', tetapi kalau dia marah bahawa dividen ini kurang, makna kata dia sudah 'contradict' dirinya sendiri (*Ketawa*), iaitu matlamat utama KWSP ialah menjaga keselamatan (security). Dia mengatakan mesti 'cocok', kalau 'cocok' tidak payah labur langsung balik kepada yang ideal saya kata tadi semua simpan dalam sekuriti Kerajaan Malaysia.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Rompin, walaupun dia mahir di dalam kejuruteraan, tetapi dalam hal pelaburan KWSP ini sangat-sangat kurang?

Saya tidak pernah mengatakan 100% wang KWSP dan RM103 bilion ini dilaburkan 100% ke atas ekuiti atau apa sahaja itu tidak boleh dibuat. Bahkan saya tekankan bahawa kita mesti adakan kajian semula untuk memastikan peratusan yang patut diadakan untuk ekuiti dan untuk pelbagai aktiviti supaya keselamatan caruman 7.6 juta pencarum itu dapat dipelihara. Itu sahaja yang saya cakapkan. Jangan kita keliru dengan peratusan dengan sebagainya. Cuma kita berharap ada satu dasar, bukan sahaja perdebatan nasional, bahkan satu dasar bagaimana excess fund bukan rescue fund, excess fund dapat diserapkan dengan baik itu yang disebutkan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Berhormat. Saya fikir tidak benar untuk menuduh ahli dari Rompin, tidak mengetahui tentang KWSP. Yang Berhormat sendiri mengakui bahawa kita mesti prudents, dengan izin. Persoalannya nisbah-nisbah pelaburan, pinjaman-

pinjaman dan lain-lain lagi yang dibuat oleh KWSP adalah berasaskan kepada kajian pakar-pakar KWSP dalam KWSP sendiri yang diambil dari luar sebagai outside consultant dan ini telah pun dibuktikan telah berjaya. Jadi, tidak perlulah untuk kita mengadakan perbincangan nasional yang diminta oleh Yang Berhormat dari Kepong itu dan malah perbincangan dalam dewan ini boleh pun dikatakan perbincangan nasional dan semua telah dikaitkan dibangkitkan boleh dikatakan, dengan izin, exhaustive sehingga ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pun bawa dengan Perwajamacam-macam, dan macam-macam yang diperkatakannya teguran Audit. Itu pun sudah exhaustive..... tidak perlu perbincangan nasional untuk memastikan nisbah-nisbah pelaburan dana KWSP. Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rompin bangun ya,

Dato' Dr' Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Saya minta penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah yang dibangkitkan, isu oleh Kota Melaka ini dibangkitkan oleh DAP bahawa Kota Melaka cuba menggambarkan bila dividen hanya dibahagi 7.5 % tidak 8% seolah menggambarkan bahawa EPF ini tenat sudah akan menjadi masalah yang besar. Nampak Kepong tidak bersetuju dengan Kota Melaka. Adakah ini merupakan pada pendapat yang dah nampak dalam DAP seolah perkara ini pun betul Kota Melaka, Kepong tak bersetuju pandangan Kota Melaka tadi? Sebab itu, saya inginkan kenyataan, satu penegasan dari Dato' Timbalan Menteri bahawa ini tidak benar, bahawa KWSP kukuh dan terus bertanggungjawab dari segi dasar pelaburannya.

(Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahulah adakah Kepong dengan Kota Melaka setuju, tak setuju tetapi apa yang saya

akan jawab nanti akan menunjukkan tentang kekukuhan KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1995 KWSP sepertimana yang saya katakan tadi mengisytiharkan dividen sebanyak 7.5% berbanding dengan 8% pada beberapa tahun sebelumnya. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, agihan aset pelaburan KWSP tahun 1995 dalam sekuriti Kerajaan Malaysia sebanyak 40.8%, pasaran wang 29.7%, pinjaman 17.9%, ekuiti 11.3% dan hartanah 0.4%. Keupayaan KWSP membuat bayaran dividen tahunannya adalah berkait rapat dengan struktur alokasi asetnya iaitu bergantung kepada pulangan yang diperolehi daripada sekuriti Kerajaan Malaysia, kadar faedah pasaran dan pasaran saham. Sebahagian besar iaitu kira-kira 90% daripada pelaburan KWSP adalah dalam pelbagai instrumen yang berasaskan kadar faedah.

Profail alokasi aset yang demikian bermakna arah aliran kadar faedah pasaran akan mempengaruhi prestasi pendapatan KWSP. Oleh itu, berdasarkan kepada pendapatan bersih KWSP pada tahun 1995 yang berjumlah RM6,413,000 juta, kadar dividen yang dapat diisytiharkan ialah pada kadar 7.5% dan kadar ini adalah melebihi kadar inflasi tahun 1995 iaitu 3.5% dan ini bermakna kadar dividen yang diisytiharkan adalah munasabah dan dapat mempertahankan kos hidup ahli ketika bersara.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan, walaupun kadar dividen itu tidak berbanding dengan kadar inflasi kononnya tidak lebih rendah daripada kadar inflasi tapi Tuan Yang di-Pertua, dengan pengurangan 0.5% itu, boleh Yang Berhormat terangkan itu wang dapat diselamatkan, dapat dijimatkan iaitu dengan pengurangan 0.5% dividen ini. Bolehkah sebutkan, saya tidak pernah dengar itu amaun yang boleh dijimatkan oleh pihak kerajaan kerana keluarkan dividen kurang daripada 8%?

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sedia maklum saya hendak bagi amaun pada masa ini, tak sempat saya hendak kira. Bolehkah saya jawab selepas ini untuk dikira? Yang Berhormat perlu adillah pada saya, hendak saya buat kira-kira, sekarang tak sempat hendak jawab. Jadi, Yang Berhormat saya akan meminta pegawai-pegawai saya memberinya.

Jadi, perkara ini, saya ingin tekankan lagi Tuan Yang di-Pertua, dasar pelaburan KWSP ialah untuk megimbangi antara dasar berhemat dan dalam masa yang sama berusaha untuk memperolehi keuntungan dalam pelaburannya dengan risiko yang minimum. Ini bertujuan supaya dana yang diuruskan adalah selamat dan tidak dilaburkan dalam pelaburan yang berisiko tinggi. Jadi, berasaskan kepada statement itu, ingin saya membawa masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dahulu kerana ianya berkaitan dengan teguran-teguran Auditor General ataupun Jawatankuasa Pemeriksa Kira-kira Wang Negara, sepertimana Yang Berhormat akan berbincang dalam PAC nanti, tetapi ingin saya bincangkan bahawa apa yang dibuat iaitu memberi apa sebahagian sahaja daripada keuntungan daripada unrealised gains, hanya pada tahun 1994. Auditor General telah membuat teguran ini untuk akaun 1994 dan selepas mendapat teguran daripada Auditor General maka KWSP tidak lagi menjalankan aktiviti ataupun usaha sebegitu. Untuk tahun 1995 tidak lagi membuat pengagihan dividen daripada sebahagian daripada apa yang dipanggil keuntungan yang belum dinyatakan lagi ataupun unrealised gains.

Jadi, Yang Berhormat, macam saya katakan tadi, di mana ada peluang KWSP membuat wang, dia cuba membuatnya, di mana masa yang dia berkhidmat, jadi pada tahun 1994, ada sesetengah pihak yang mencadangkan supaya KWSP membuat sebegitu iaitu mewujudkan

pengagihan sebegitu. Jadi, ini telah diikuti selepas dibincang dengan panjang lebarnya oleh KWSP, mereka telah membuat pembahagian sebegitu.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau pembetulan sudah dibuat, adakah ini bermakna bahawa bayaran yang dibuat sebahagian daripada unrealised gains, tentu ada satu contra entry, dengan izin, dalam akaun revaluation gain. Adakah ini aset revenue reserve account ini pun telah ditambah balik dalam tahun 1995 supaya penyata ini boleh diseimbangkan atau apakah prosedur yang dijalankan oleh pihak KWSP untuk membetulkan perkara ini?

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir begitulah dibuat oleh pihak KWSP untuk menutup balik apa yang telah dibuat oleh mereka. Tetapi saya pun kurang pasti, saya akan memastikan perkara ini.

Tetapi Ahli Yang Berhormat, kita tidak mempertikaikan teguran daripada Auditor General, malah kita dengan pihak KWSP dengan secepat mungkin memperbetulkannya.

Jadi, Yang Berhormat, sebagai saya menyatakan di situ, dari semasa ke semasa KWSP membuat tindakan-tindakan untuk memastikan peningkatan pendapatannya. Dan juga saya ingin menjawab mengenai soalan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai dengan Perwaja.

Tuan Mansor bin Masikon: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, ada yang bangun pula.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya.

Tuan Mansor bin Masikon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ada satu perkara sahaja yang ingin saya bangkitkan ini ada kena-mengena dengan masalah income level kepada pencaerum-pencarum ataupun benefit level kepada pencaerum-pencarum KWSP. Sebenarnya saya hendak membawa perkara ini di dalam masa perbincangan tetapi tidak mempunyai peluang.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada satu ketika dahulu ada satu cadangan yang dibuat oleh satu firma actuari bersama-sama dengan MNI yang mencadangkan supaya satu cara, ataupun satu cadangan iaitu di mana umpamanya, jika sekiranya seorang pencaerum itu meninggal dunia ataupun mati ataupun tamat riwayatnya sebelum..... *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Serupalah ketiga-tiga itu. *(Ketawa)*

Tuan Mansor bin Masikon:sebelum mereka itu pencen iaitu umur 55 tahun, umpamanya kalau si pencaerum itu mati atau meninggal pada umur 40 tahun, carumannya hanya RM30,000, walhal jika sekiranya pencaerum ini hidup hingga 55 tahun maka pencaeruman itu yang boleh dikira oleh seorang actuari mungkin akan sampai ke RM100,000. Ada satu cadangan di mana kalau sekiranya pencaerum itu meninggal dunia pada umur 40 tahun, maka satu skim insurans akan membolehkan 'beneficiary' kepada si mati itu mendapat RM100,000.

Saya diberitahu cadangan ini sudah lama berada di KWSP tetapi mengapa perkara ini tidak diambil tindakan mungkin kerana ketiadaan fahaman di dalam pengurusan KWSP untuk memahami perkara ini.

Jadi, saya berharap Dato' Timbalan Menteri dapat menghidupkan balik cadangan ini. Yang kedua, saya tak faham

kadang-kadang Kepong ini dia tak faham sesuatu perkara, dia kadang-kadang selalu bercakap, umpamanya di dalam perbahasan Rang Undang-undang Insurans iaitu dia bertanya mengapa hasil daripada penurunan komisen kepada ejen-ejen ini, maka premium insurans nyawa itu tidak turun impropportion.

Jadi, sebenarnya dia bertanya itu, dia tak faham, jadi, kalau umpamanya kita mengambil polisi RM100,000 premiumnya RM100, kalau dulu dibenarkan dibayar komisen RM60 daripada RM100, itu bermakna kumpulan wang bagi polisi itu cuma RM40, tetapi jika sekiranya komisen itu turun kepada RM30, maknanya kumpulan wang kepada pemegang-pemegang polisi itu ada RM60.

Jadi, lama-kelamaan wang kumpulan itu akan membesar. Dia setiap tahun ada actuarial valuation. Jadi, di dalam keuntungan itu yang diberi balik kepada pemegang-pemegang polisi adalah 80% daripada keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak bersangkutan dengan apa yang kita bincangkan sekarang.

Tuan Mansor bin Masikon: Tuan Yang di-Pertua, fasal dia selalu mengacau.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, tak apalah!

Tuan Mansor bin Masikon: Jadi, itulah yang saya hendak bawakan kepada Dato' Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya bersimpati dengan Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat, dia hendak menerangkan mengenai dengan actuarial valuation yang dia tanya tadi dalam KWSP. Dia bawa contohnya untuk insurans tetapi perkara mengenai

hal ini sepertimana juga mengenai zakat, KWSP memerlukan masa untuk mengkaji, misalannya, dalam soal zakat. Jadi, saya hendak mengambil peluang hendak masukkan jawapan kepada zakat.

Dalam masalah zakat, pihak KWSP telah pun meminta fatwa daripada Pusat Islam dan masih lagi menunggu fatwa ini. KWSP tidak dapat mengeluarkan zakat sepertimana Tabung Haji. Tabung Haji, kita tabungkan wang itu semata-mata untuk pelaburan dan simpanan untuk pergi haji dan yang lain-lain hanya pelaburan. Tetapi KWSP di tabung wang sebagai sebahagian dari pendapatan bulanan, tahunan dan hariannya.

Jadi, apakah kita hendak potong zakat daripada hanya tabungan 11% campur 12%? Jadi, ini mendatangkan masalah tafsiran. Jadi, kita perlu merujuk kepada ulama-ulama dan ulama-ulama terpaksa mengambil masa yang lama kerana ulama-ulama pun dia mesti mempelajari soal financing dahulu sebelum dia membuat fatwa.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, inilah jawapan kepada soal zakat, jawapan kepada actual valuation yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat tadi, mengambil masa sedikit dan saya akan meminta pihak KWSP memberi statement ataupun memberi explanation, dengan izin, kepada pihak kementerian.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tumpat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya faham, dalam Islam ini dia ada dua. Yang pertama zakat tabungan, mungkin itu yang dipertikaikan. Tetapi, yang kedua zakat perniagaan. Memang yang menjadi khilaf sekarang ini bagi Pusat Islam mungkin yang menjadi khilaf

tetapi yang tidak khilaf itu zakat perniagaan. Zakat perniagaan, apabila cukup tempoh satu tahun, dia dikeluarkan daripada jumlah yang dilaburkan itu. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tak mahu hendak berhujah mengenai dengan kaedah-kaedah hendak kira, kalau hendak berhujah sampai sepetang pun tak habis. Kalau kita hendak mengatakan bahawa patut bayar zakat di atas pelaburan 11% pencarum itu, kalau dia sendiri telah membayar zakat di atas pendapatan bulanannya, Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa 11% itu diambil daripada pendapatan bulanannya.

Jadi, dia menjadi satu perkara kekusutan, biarlah pakar-pakar menentukannya, kita sabar menunggu Yang Berhormat! Saya tak mahu sangat hendak kira kaedah-kaedah ini kerana tidak kena pada tempat untuk kita membahaskan kaedah kerana pakar-pakar kewangan dan juga ulama-ulama kita sedang dan telah pun berunding satu fatwa yang jitu belum lagi dapat dikeluarkan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tak apa!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang kedua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, iaitu masalah jumlah wang yang tidak dituntut bagaimana peruntukan yang sedia ada dalam KWSP sekarang dalam konteks Islam? Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak adil, dia

tanya konteks Islam, saya bukan pakar dalam bahagian Islam. Saya hendak jawab saya tidak erti, saya mengaku saya tak tahu hendak jawab Yang Berhormat kerana saya jahil dalam perkara ini.

Jadi, dalam keadaan undang-undang biasa, kalau wang tak dituntut, di simpan dan dicari selepas beberapa tahun di bubuh dalam akaun yang tidak dituntut, tetapi dari konsep Islam, jangan tanya saya, saya bukan lulus dalam Pengajian Islam.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada persoalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu perkara yang dibangkitkan iaitu yang menjadi isu yang hangat pada masa ini iaitu ...

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bangun hendak beri jalan pulak?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya, tidak mengapa, dia tak puas hati

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sedikit masa sahaja, terima kasih. Cuma saya ingin mencadangkan supaya wang yang tidak dituntut itu supaya di

Beberapa Ahli Barisan Nasional: Tanya empat puluh enam! Tanya yang bukan-bukan!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, bukan masalah itu! Saya pun sudah lupa kerana diganggu. (*Ketawa*)

Masalah wang yang tidak dituntut ini, saya ingin mencadangkan. Tuan Yang di-Pertua, supaya dinaikkan kepada Baitulmal. Apa yang saya tahu ada kaedah dalam Islam ini, wang yang tidak dituntut itu, dihebahkan dahulu dan media massa, tetapi dalam tempoh yang tertentu itu

sekiranya tidak ada ahli waris yang tidak menuntut, ahli waris tidak ada yang datang, wang itu dinaik kepada Baitulmal dan digunakan untuk kepentingan umum. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Terima kasih di atas kuliah yang diberi oleh Tumpat kepada saya, saya harap Tumpat dapat memberi cadangan ini kepada Pusat Islam untuk mereka memastikannya. Saya hendak menangani masalah yang hangat diperbincang mengenai dengan penggunaan wang KWSP untuk memberi loan ataupun pinjaman kepada Perwaja. Sepertimana Yang Berhormat Kota Melaka mengatakan sebanyak RM600 juta diberi kepada Perwaja Rolling Mill and Development Sdn. Bhd, pada tahun 1996 dan kadar pembayaran faedahnya adalah 9%, jangkamasa 10 tahun dan di jamin oleh kerajaan Malaysia sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dari aspek pencarum-pencarum KWSP tidak ada masalah, ianya dijamin oleh kerajaan Malaysia, tetapi apa yang disebut oleh Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: (Bangun)

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Nanti sekejap, Yang Berhormat dari Kepong, biar saya habiskan, berilah peluang saya bercakap. Apa yang dipertikaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ialah, walaupun dijamin oleh kerajaan Malaysia untuk menjamin itu adalah wang rakyat. Itu kita terima pada hakikatnya. Sebagai sebuah kerajaan, kerajaan mestilah melihat dan menguruskan percuturan wang-wangnya. Jadi, pada masa benda ini berlaku, wang KWSP lah, dengan izin, saya kata 'available' dan digunakan, dijamin oleh kerajaan tetapi soal wang rakyat yang digunakan untuk menjamin itu diterima pada hakikatnya, tetapi Yang Berhormat mesti melihat aspek ini bukan dengan

mengguna 'tunnel vision' sahaja, iaitu wang rakyat itu rugi RM600 juta, tetapi Yang Berhormat mesti lihat kepada keseluruhan, pada aspek fullistic yang mana ada tempat-tempat kita kata, profit centre kerajaan ataupun income centre kerajaan yang boleh menampung RM600 juta. Ini bukan bermakna kerajaan menggunakan wang rakyat untuk menjamin RM600 juta melalui KWSP itu merupakan kerugian mutlak kepada kerajaan. Mungkin ianya kerugian pada satu pihak dan ianya ditampung balik dengan pendapatan dari sumber-sumber lain.

Jadi, sebagai sebuah kerajaan, Yang Berhormat pun mungkin satu hari akan ditakdirkan oleh Allah S.W.T. akan memerintah negara ini—kita tidak boleh kata, ini kuasa Tuhan, mungkin DAP bersama dengan PAS tubuh kerajaan campuran nanti—kita tidak tahu, tetapi Yang Berhormat akan menghadapi masalah itu. Jadi kerajaan di dalam sesuatu masa ia melihat tentang aliran tunai, di mana yang senang diambil dan diberi untuk menutup satu lubang tetapi Yang Berhormat mesti ingat, seperti Yang Berhormat kata, RM600 juta wang kerajaan itu rugi—mungkin tidak benar, kerana ianya mungkin dapat dibayar balik di dalam 'rescue mission', mungkin profit centre yang lain boleh digunakan ataupun sumber income yang lain boleh digunakan untuk menampung apa yang dikatakan kerugian RM600 juta itu.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bukannya ini merupakan satu perakuan bahawa jumlah wang yang dijamin oleh pihak kerajaan untuk bulan Mac ini sahaja ialah sebanyak RM1,245,000 juta merupakan satu daripada usaha, dengan izin, the sweeten the rescue plan, dan merupakan wang yang dikeluarkan oleh kerajaan 'injection of funds indirectly' mungkin, dengan izin.

Kalau begitu bukankah ini, dengan izin, throwing of money after bad, kerana Perwaja sudah insolvent dan di sini rakyat tidak boleh faham kenapa kerajaan boleh luluskan pinjaman seperti ini bila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri menyatakan tidak akan membenarkan pinjaman oleh KWSP kepada Perwaja, tetapi sekarang berlainan pula telah berlaku. Adakah kenyataan Yang Amat Berhormat tidak laku langsung?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yang Berhormat dari Kota Melaka cuba hendak menjadi batu api. Saya tidak mahu terheret di dalam itu, persoalannya ialah dari segi teorinya Perwaja Rolling Mill adalah insolvent, tetapi dari segi menjadikan ianya insolvent, ianya belum lagi insolvent. Kalau kita tengok dari segi teori memanglah insolvent—itu saya terima hakikatnya, tetapi masalahnya ia belum lagi diisytiharkan mati ataupun belum lagi dimasukkan ke dalam 'receivership'. Jadi, ianya hendak diselamatkan. Kalau Yang Berhormat jadi kerajaan pun, kalau kita hendak selamatkan sesuatu, apa Yang Berhormat guna istilah sebagai 'sweetening up, kalau perlu, ianya dibuat. Macam kita beri penswastan untuk pembinaan lebuhraya utara, kita beri softloan, itu pun boleh dikatakan sebagai sweetening up of privatisation scheme. Jadi, apa yang kerajaan minat ialah supaya ianya berjaya dan kerajaan akan lakukan apa sahaja agar ianya berjaya.

Kerajaan bukannya macam referee, ia tidak masuk di sebelah pihak mana, ia mesti, jikalau ada kumpulan-kumpulan yang hendak menyelamatkan dan hendak menggunakan sumber mereka, kalau diminta pertolongan kerajaan di dalam bentuk softloan, di dalam bentuk penjaminan, kerajaan akan berbuat begitu agar kita meminimumkan apa Yang Berhormat kata kerugian wang rakyat itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Semalam apabila saya bangkitkan masalah Perwaja dan excess fund daripada KWSP menjadi 'rescue fund' untuk Perwaja, Yang Berhormat tidak setuju dengan saya dan hari ini dia datang ke Dewan yang mulia ini untuk menjelaskan mengapa pihak kerajaan mesti menggunakan 'rescue fund' ini. Jadi, saya pun tidak begitu faham dan Batu Pahat pun tidak mengerti langsung hal seperti ini. Semalam sikap dia tidak serupa dengan hari ini. Mengapa sikap boleh berubah dengan begitu cepat dalam masa 24 jam sahaja?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, minggu sudah, iaitu pada hari Khamis, Yang Berhormat sendiri menyatakan saya kebingungan. Memang saya kebingungan kerana hujah-hujah Yang Berhormat adalah kontradiktri, satu ayat mengkontradik ayat yang lain, macam tadi, saya kata pada awal-awal tadi.

Jadi, saya kebingungan, saya jawab pun kebingungan juga, oleh sebab Yang Berhormat sendiri menyebabkan saya kebingungan kerana Yang Berhormat kata pada satu masa hakikat ini dan dalam tempoh masa 5 minit dianya berlawanan. Yang Berhormat sendiri kebingungan mengenai dengan fungsi KWSP—apakah ianya perlu menjalankan fungsi security, apakah ianya perlu menjalankan fungsi mengambil risiko iaitu melalui pelaburan. Yang Berhormat sendiri kebingungan, maka saya pun kebingungan. Jadi, itulah sebabnya kalau saya kebingungan kerana Yang Berhormat. (*Ketawa*).

Jadi, itulah jawapan kepada benda yang saya harap pihak Kota Melaka menerima jawapan saya. Walaupun tidak menerima pada keseluruhan hakikatnya, rasionalnya saya minta Yang Berhormat Kota Melaka menerimanya. Rasional di sebalik tindakan-tindakan kerajaan itu, yang mana kalau Yang Berhormat jadi kerajaan, maka Yang Berhormat terpaksa melakukan itu.

Tuan Lim Guan Eng: Bukankah lebih murah kalau kita biarkan Perwaja ini diambil alih dengan keadaan sekarang tanpa sebarang 'sweetening the deal' kerana saya rasa apabila pinjaman ini diberikan dan tawaran diterima daripada syarikat-syarikat lain adalah dalam keadaan mereka tidak tahu bahawa ada pinjaman seperti ini dibuat. Jadi, saya rasa kalau ada syarikat yang berminat, saya percaya mereka boleh membeli syarikat Perwaja dan anak syarikatnya kalau mereka berminat, tanpa pinjaman diberikan. Mengapa kerajaan mesti melabur sekali lagi—RM1,245,000 juta dan ini saya tidak faham kerana dari segi, turning around, dengan izin, syarikat-syarikat yang menghadapi masalah, satu daripada caranya yang paling berkesan ialah untuk membiarkan syarikat ini menghadapi 'market forces'.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, prinsip perniagaan mana-mana pun kita mesti memulakan dengan mempunyai modal yang tidak tersangkut, yang tidak 'incumbent' dengan interest yang tinggi. Jadi, kalau apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, "the sweetening the deal", kalau syarikat-syarikat lain tahu apa strategi atau cara Kerajaan Malaysia mengendalikan masalah seperti ini, mereka pasti tahu. Jadi, apakah Yang Berhormat mencadangkan kepada saya supaya lebih banyak syarikat lagi, kalau mereka tahu bahawa ada faktor 'sweetening the deal', mereka akan masuk?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yang paling penting sekali ialah kepentingan kepada negara. Kalau kita boleh dapat dengan harga yang paling tinggi daripada syarikat-syarikat yang menawarkan untuk membeli Perwaja itu, ataupun boleh mengurangkan kerugian yang dialami dengan sepalang kecil yang boleh. Itulah perkara yang paling untuk kita. Bukan untuk menjadikan Perwaja sebagai satu alat, yang pertama bukan

untuk pihak-pihak tertentu mendapat faedah daripadanya. Tetapi dari segi lain membenarkan penyelewengan yang berlaku tanpa sebarang tindakan diambil. Saya rasa kedua-dua perkara ini sama-sama penting.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk kepentingan negaralah yang kita memberi sedikit kelonggaran apa yang dipanggil oleh Yang Berhormat 'sweetening the deal itu'. Dan kalau kita biarkan syarikat ini memasuki tanpa kita memberi bantuan sedikit di dalam bentuk apa Yang Berhormat panggil 'sweetening the deal' kemungkinan berlaku lagi banyak kerugian, dan lagi banyak kerugian yang akan dihadapi oleh negara. Jadi, apa salahnya kerajaan memberi tongkat ataupun menolak sedikit, mengasuh, mengurut sedikit agar apa yang dilakukan oleh syarikat-syarikat yang berani menjalankan 'rescue mission' ini berjalan dengan elok, dan akhirnya kita akan diselamatkan dari segala ataupun meminimumkan segala kerugian?

Jadi, itu sahaja hujah saya. Selain dari itu, Yang Berhormat cuba hendak korek daripada saya, setakat itu hujah saya yang saya dapat beri. Jadi, soalnya rasionalnya. Kita boleh berhujah sehingga tengah malam, tetapi masalah cara itu yang ditangani oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa cukuplah di atas perbincangan berkenaan dengan Perwaja.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Ya. Saya pun hendak pergi ke tempat lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan kerana kita ada 18 Rang Undang-Undang di hadapan kita yang kita terpaksa selesai dalam masa 9 hari.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana

menyelamatkan saya. *(Ketawa)* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan. Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah membangkitkan isu mengenai konsep simpanan untuk hari tua dan mengesyorkan supaya ini diberikan keutamaan. Saya ingin menjelaskan bahawa KWSP adalah institusi amanah, macam saya katakan tadi, dan bertanggungjawab menjamin keselamatan sosial kepada ahli supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa semasa persaraan kelak.

Undang-undang yang sedia ada bertujuan untuk melindungi KWSP daripada risiko yang tinggi. Bagi memastikan simpanan ahli selamat, ada garis panduan yang sedia ada di dalam akta-akta itu, macam saya sebut tadi. Akta KWSP memperuntukkan supaya sekurang-kurangnya 70% daripada dana KWSP dilaburkan di dalam sekuriti Kerajaan Malaysia, sepertimana yang saya sebutkan tadi 70% dan yang lain-lain lagi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyatakan di sini bahawa apa yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun mengenai dengan bandingan-bandingan yang mana Ahli Yang Berhormat dari Tambun mengatakan Yang Berhormat dari Kepong telah mendewa-dewakan Singapura. Memang dia selalu mendewa-dewakan Singapura. Dia kata Singapura memberi berlebihan kadar dividen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tambun, Singapura pada tahun 1995 dalam sejarah....

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun pula.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Saya belum lagi jawab. *(Ketawa)*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah menyentuh mengenai dividen CPF. Hanya saya kata, dengan 'excess fund', bukan 'rescue fund'. Excess fund EPF diserapkan oleh Kerajaan Singapura dan dilaburkan melalui Singapore Government and Investment Corporation (SGIC). Itu sahaja saya kata. Tetapi diputarbelitkan balik-balik dan sebagainya sampai tambun. *(Ketawa)*

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Kepong, kalau itu diserahkan kepada Kerajaan Singapura untuk melabur, pasti kadar dividen akan lebih daripada 3.12% yang diberi oleh CPF. Yang Berhormat semalam berucap seolah-olah CPF Kerajaan Singapura memberi 20%. Semalam Yang Berhormat berucap.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu tidak benar. Boleh tengok *Hansard* di sini, di mana ada? Di mana ada, tak sentuh langsung. Cuma saya menyeru supaya kita adakan satu dasar mengenai excess fund, bukan rescue fund. Sentiasa digunakan sebagai rescue fund. Excess fund EPF, bukan rescue fund EPF. Kita mesti memahami apa yang disebutkan sebagai excess fund EPF, bukan rescue fund. Itu....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, banyak lagi dah ulang itu! *(Ketawa)*

Dr. Tan Seng Giaw: Sebab, Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Yang di-Pertua: Tiga kali, Yang Berhormat ulangi.

Dr. Tan Seng Giaw:.....tidak mengerti. Itu masalahnya. Kalau erti, satu kali cukup. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Masalahnya dia yang tak faham. Jadi,

saya hendak beri tahu bahawa tidak ada EPF ataupun pension fund yang lain memberi sebanyak ini. Janganlah kita misalannya mendewa-dewakan negeri lain. Macam Chile, dia tak beri langsung setengah tahun pun tak ada—setengah daripada tahun-tahun dia tak beri langsung, dan dia rugi. Dan negara-negara lain.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun Sambil menunjukkan Hansard*)

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Saya tak boleh baca, tak usah tunjuklah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya tak mahu panjangkan, sebab banyak saya hendak bercakap, tetapi sudah tak ada masa. Saya cuma hendak mencabut yang penting sekali.

Mengenai dengan apa rasionalnya yang ditanya oleh Tambun tadi mengenai dengan perumahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini, apa yang dibuat oleh KWSP dalam perumahan, dan juga yang dibangkitkan—Ahli Yang Berhormat dari Kepong risau. Di luar Dewan pun dia beritahu kepada saya, dia risau sangat mengenai dengan aktiviti perumahan KWSP. Dia risau dan banyak kali dia beritahu dia risau. Kalau P. Ramlee menyanyi lagu 'risaunya kerana cintanya' tetapi dia risau kerana perumahan di dalam KWSP. Saya berterima kasih banyak kerana dia tolong risau bagi saya, tetapi dia risau berasaskan kepada fakta yang salah. (*Ketawa*) Jadi, dia menghabiskan 'nervous energy' nya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Sebenarnya, di dalam perumahan kos rendah, KWSP memberi pinjaman kepada MBSB. Kadar pinjaman yang dikenakan kepada MBSB ialah di antara 8.5% hingga 9.5%. Dari segi KWSP dia akan mendapat pendapatannya, iaitu daripada pendapatan kadar faedahnya. Jadi, KWSP tidak terdedah kepada kurangnya margin di

dalam pembinaan rumah kos rendah. Jadi, sebab itu MBSB kalau dia buat sendiri, dia buat dengan syarikat sekutunya, dia akan mencari jalan untuk memastikan pendapatannya lebih daripada 9.5% agar dia dapat bayar balik kepada KWSP. Sebab itu kita membenarkan satu-satu projek perumahan dicampur, iaitu kos rendah, kos sederhana, kos tinggi. Jadi, kita membenarkan. Yang pentingnya, Yang Berhormat KWSP tidak terdedah kepada kerugian.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah benar MBSB ialah anak syarikat KWSP yang mempunyai 50.8% ekuitinya? Dan dengan yang demikian, sekiranya MBSB rugi dengan teruk seperti Perwaja, apakah akan dibuat oleh KWSP?

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Mengapa Yang Berhormat bercakap mengenai rugi. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Tambun menyebutkan dengan modal RM122 juta, dia untung RM50 juta. Jadi, sekarang kalau dia membuat dengan baik, dia tidak terdedah kepada penurunan dan kenaikan nilai Yen. Apa Yang Berhormat hendak takut? Kalau kita hendak fikirkan tentang kerugian, tentang kekalahan, kita tak boleh hidup di dunia ini, Yang Berhormat. Jadi, soalnya ialah mereka mesti memastikan bahawa MBSB tidak rugi, dan dia mesti membuat keuntungan pada kadar melebihi apa yang didapat daripada KWSP.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya minta maaf dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, apa cadangan akan saya ambil perhatian tetapi akhir sekali saya ingin...

Tuan Ahmad Huzni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan soal akhir, saya ada satu perkara yang saya hendak bangkitkan tentang pelaburan yang dibenarkan oleh pencarum, rasional RM50,000—mengapa?

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Saya hendak jawab yang itu Yang Berhormat, kerana itu penting. Yang Berhormat menanyakan tadi apakah rasional pelaburan yang dibenarkan kepada pencarum? Satu, Yang Berhormat mesti mengambil prinsip ini dulu, Profesor Ekonomi ada di kanan Yang Berhormat. Kita memperkatakan mengenai pelaburan simpanan hanya kepada orang-orang yang mempunyai surplus income iaitu orang-orang yang mempunyai kelebihan pendapatan yang cukup, baru kita bercakap mengenai dengan simpanan, penabungan, pelaburan. Kita tidak boleh bersyarah kepada orang-orang yang kais pagi, makan pagi, suruh dia labur. Jadi, di sini kita kena ada satu guideline mengenai pelaburan. Kita membenarkan pelaburan kepada orang-orang yang mempunyai akaun pertamanya melebihi RM50,000 iaitu 60% daripada carumannya dibubuh dalam akaun satu dan kita membenarkan ia melabur kalau dia mempunyai kelebihan daripada RM50,000 dalam akaun satu. Katalah ia mempunyai RM50,000 di atas RM50,000—bukan kita benar keseluruhan RM50,000 itu dilabur. Kita hanya membenarkan 20% daripada RM50,000 itu dilabur. Jadi, di sini kita memastikan pelaburan dilakukan oleh orang yang mempunyai surplus. Jadi, macam Profesor Ungku Aziz katakan dulu, apa yang dipercakapkan tentang hendak suruh orang miskin di bawah paras kemiskinan menyimpan. Pertama sekali dia tidak ada surplus untuk menyimpan. Kalau kita hendak suruh pergi kepada orang yang ada duit. Pergi kepada Yang Berhormat dari Kepong yang mempunyai surplus berganda-ganda. (*Ketawa*) Jadi, tidak perlu pergi kepada rakyat marhain di kawasan saya misalannya ataupun di kawasan dia pun ada rakyat marhain juga, kalau tidak dia tidak menang pilihan raya.

Jadi, di sini rasionalnya ialah kita memberi guideline yang tertentu supaya pelaburannya itu dilakukan dengan wang yang betul-betul boleh dilabur dan di sini

surplusnya mesti melebihi RM50,000 dan 20% sahaja daripada surplus ke atas RM50,000 itu boleh diguna dan tempat yang dia boleh melabur hanya yang ditentukan oleh KWSP. Dia tidak boleh mengambil wang itu keluar, dia hanya mengarahkan pemindahan daripada wangnya kepada tempat melabur dan dia akan menerima sijil ataupun penyatannya dari masa ke semasa.

Tuan Ahmad Huzni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya dapati daripada perbincangan ini, konsep surplus ini adalah satu konsep yang pihak KWSP sendiri yang menetapkan. Saya mengambil contoh katalah pencarum ada RM30,000 diletak dalam formula 6:3:1—lebih kurang RM18,000. (60%) boleh dikeluarkan pada umur 55 tahun dan dalam RM18,000 ini kalau dibenarkan 20% dikeluarkan untuk pelaburan, dia sudah ada RM3,600. Maknanya RM3,600 kalau dibiarkan dalam KWSP, pencarum akan menerima dividen dalam lingkungan 7.5% hingga 8% berdasarkan pengalaman lalu tetapi kalau dibenarkan untuk melabur dalam ASB, pencarum akan mendapat 13%.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat dari Tambun tidak menangkap apa yang saya katakan tadi. Kalau dia ada RM30,000 dia tidak layak melabur dan RM30,000 daripada akaun satu itu ialah untuk persaraan (*security*). Bila dia bersara, kalau kita benarkan dia melabur keseluruhan, dia tidak ada apa selepas dia bersara. Jadi, akaun satu itu untuk persaraan. Pelaburan kita tidak boleh bandingkan balik kepada prinsip asas yang saya katakan tadi. Kita tidak boleh bandingkan dana KWSP dengan dana PNB kerana dana KWSP asasnya ialah keselamatan (*security*), dia mendapat pendapatan selepas dia berhenti kerja.

Saya terima hujah Yang Berhormat tadi mengenai dengan differential

pendapatan daripada dua pelaburan tadi tetapi berbalik kepada asas yang pertama, RM30,000 itu ialah untuk dia selepas bersara. Jadi, fungsi KWSP bukan hanya untuk pelaburan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sudah pukul 6.00 petang dan saya tidak mahu meleret lagi dalam perkara ini.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak berjalankah tidak?

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Tidak payahlah. Perwaja sudah habis. Bukan Perwaja. Last ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan Perwaja. Ini yang terakhir. Tadi saya ada tanya tentang pelaburan yang dibuat oleh KWSP dalam projek Bakun, jumlahnya dan juga tentang CPF? Apakah usaha penyelesaian tentang pencarum-pencarum atau pekerja-pekerja Malaysia di sana?

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada masa ini tidak ada apa-apa rancangan untuk KWSP memberi kepada projek Bakun. Setakat ini tidak ada apa, tidak ada komitmen, tidak ada perencanaan untuk KWSP memberi apa-apa wang di dalam apa-apa bentuk kepada projek Bakun setakat ini dan mengenai dengan CPF, memang kita sedang berunding dan perkara ini mengambil masa yang agak lama dan kita akan memastikan bahawa rakyat kita mendapat manfaat.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih banyak-banyak kepada rakan-rakan saya yang berhujah dengan penuh bernas untuk memberi sumbangan kepada kami untuk memastikan KWSP dapat diuruskan dengan baik, dengan prudence, dengan izin dan apa-apa yang saya tidak dapat menjawab di dalam

Dewan ini, kita akan ambil perhatian dan kita akan guna pendapat-pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat itu sebagai asas untuk kita memperbaiki pengurusan KWSP.

Sekian, saya berhenti di sini dulu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka kepada Majlis bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1996) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua

6.10 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-

undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM697,401,320 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual pada Rang Undang-Undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1996 adalah berjumlah RM697,401,320 jumlah tersebut diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-Undang ini.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

Tambahan sebanyak RM493.1 juta di bawah Maksud B.50 Kementerian Pembangunan Usahawan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM400 juta bagi MARA—membiayai Program Penajaan Pelajar/Pinjaman/Biasiswa dalam dan luar negeri, bayaran emolumen dan perkhidmatan serta elaun pelatih;
- (ii) sebanyak RM75 juta untuk tampung 'Endowment Fund' Malaysia -France Institute yang telah ditubuhkan;
- (iii) sebanyak RM9.6 juta untuk membiayai belanja mengurus Malaysia-France Institute; dan
- (iv) sebanyak RM8.5 juta untuk membiayai pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah Program

Pembangunan Usahawan dan kos bagi membekalkan sistem pengkomputeran Kementerian Pembangunan Usahawan meliputi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan Pusat Khidmat Kontraktor.

Tambahan sebanyak RM119 juta di bawah Maksud B. 34—Kementerian Kesihatan untuk membiayai kenaikan kos utiliti berikutan kenaikan kadar oleh Tenaga Nasional Berhad, kenaikan kos ubat-ubatan, pertambahan subsidi untuk rawatan di Institut Jantung Negara dan pemberian bantuan kewangan kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia.

Tambahan sebanyak RM30 juta di bawah Maksud B. 7—Jabatan Perdana Menteri sebagai pemberian geran pelancaran kepada Perbadanan Putrajaya yang telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996.

Tambahan sebanyak RM11.9 juta di bawah Maksud B. 47—Kementerian Pengangkutan untuk perbelanjaan Program Latihan Pegawai-pegawai Kawalan Trafik Udara Jabatan Penerbangan Awam.

Tambahan sebanyak RM11.3 juta di bawah Maksud B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya untuk membiayai persiapan pilihanraya umum Dewan Undangan Negeri Sarawak yang akan datang.

Tambahan sebanyak RM10 juta di bawah Maksud B. 20—Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk membiayai belanja mengurus Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (PPIKS) yang telah ditubuhkan pada 1 Mei 1996.

Tambahan sebanyak RM5.7 juta di bawah Maksud B. 36—Polis DiRaja Malaysia untuk membiayai kos pengawasan anggota polis semasa pilihan

raya umum Dewan Undangan Negeri Sarawak yang akan datang.

Tambahan sebanyak RM5 juta di bawah Maksud B. 44—Kementerian Penerangan untuk membiayai aktiviti-aktiviti Jabatan Perkhidmatan Penerangan.

Tambahan sebanyak RM3.5 juta di bawah Maksud B. 43—Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk membiayai persekolahan anak-anak Orang Asli.

Tambahan sebanyak RM3.2 juta di bawah Maksud B. 11—Badan Pencegah Rasuah untuk membiayai pembelian kenderaan dan alat-alat kelengkapan pejabat sebagai langkah meningkatkan lagi kecekapan dalam menghadapi gejala rasuah.

Tambahan sebanyak RM2 juta di bawah Maksud B. 10—Jabatan Peguam Negara untuk membiayai perbelanjaan bagi menganjurkan Mesyuarat Menteri Undang-undang Komanwel yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 15 hingga 20 April 1996.

Tambahan yang lain sebanyak RM2,700,110 adalah dikehendaki untuk membiayai berbagai perkhidmatan di bawah Maksud-maksud B. 6—Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan; B. 30—Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun; B. 32—Jabatan Hasil Dalam Negeri dan B. 42—Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1996 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1996 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9A Tahun 1996.

Sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1996.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1996 adalah berjumlah RM1,516,418,506. Dari jumlah tersebut sebanyak RM316,418,506 adalah perbelanjaan secara langsung dan sebanyak RM1,200,000,000 adalah perbelanjaan pinjaman.

Tambahan-tambahan bagi pembiayaan projek-projek pembangunan mengikut kementerian, jabatan adalah seperti berikut:

Tambahan sebanyak RM1,386.5 juta di bawah Maksud P. 47—Kementerian Pengangkutan bagi membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM1,200 juta sebagai pinjaman untuk projek Sistem Rel Transit Ringan Sistem 2 antara Gombak dan Petaling Jaya;
- (ii) sebanyak RM71.5 juta bagi membiayai sebahagian daripada kos pengambilan balik tanah bagi Projek Pembangunan Pelabuhan Barat di Tanjung Pelepas, Johor.
- (iii) sebanyak RM15 juta untuk membiayai kerja-kerja Projek Pemanjangan Landasan Padang Terbang Mulu; dan
- (iv) sebanyak RM100 juta untuk membiayai sebahagian bayaran kemajuan Projek Pemanjangan Landasan Lapangan Terbang Langkawi.

Tambahan sebanyak RM105 juta di bawah Maksud P. 17—Kementerian Belia dan Sukan untuk membiayai kerja-kerja pembinaan stadium-stadium dan tempat-tempat bagi pertandingan Sukan Komanwel 1998.

Tambahan sebanyak RM24.9 juta di bawah Maksud P. 28—Perbendaharaan untuk membolehkan Menteri Kewangan diperbadankan menerima tawaran pembelian waran HICOM Holdings Sdn. Bhd.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1996 adalah seperti yang dinyatakan dalam Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1996 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10A Tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1996 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL. 2) 1996

6.20 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang

tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion lima ratus enam belas juta, empat ratus lapan belas ribu, lima ratus enam (RM1,516,418,506) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu bilion lima ratus enam belas juta, empat ratus lapan belas ribu, lima ratus enam (RM1,516,418,506) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.”

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Ya, Tanjong.

6.23 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan di hadapan Dewan yang mulia ini termasuklah tambahan sebanyak RM1.9 juta untuk peruntukan digunakan oleh kerajaan membiayai Mesyuarat-mesyuarat Menteri Undang-undang Komanwel di Kuala Lumpur pada 15hb hingga 20hb April, 1996. Mesyuarat berkenaan dihadiri oleh menteri-menteri, peguam, Peguam Negara dan lain-lain pegawai dan kakitangan undang-undang dari 39 negara dan tiga, dengan izin, dependencies di dalam Komanwel. Tidak diragui lagi bahawa isu yang paling hangat di dalam Mesyuarat Menteri-menteri Undang-undang di Kuala Lumpur itu ialah merupakan satu topik yang tidak dibincang secara rasmi dalam mesyuarat berkenaan iaitu mengenai krisis keyakinan terhadap kebebasan dan integriti Badan Kehakiman Malaysia khasnya selepas Peguam Negara kita Tan Sri Mohtar Abdullah telah membongkarkan sebulan selepas mengenai surat layang setebal 33 muka surat yang mendakwa bahawa kegiatan korupsi salah guna kuasa dan salah laku di dalam badan kehakiman kita.

Dan pada 15hb Mac, tahun ini Peguam Negara telah membuat satu kenyataan yang begitu dramatik dan emotional apabila beliau mengumumkan arahannya kepada pihak polis supaya menjalankan penyiasatan ke atas surat layang yang berkenaan dan beliau telah merujuk kepada pengkomplot atau konsperasi dan binatang kejam atau brutish beasts yang beliau bersumpah akan dibongkar dan dibawa kemuka keadilan.

Di dalam kenyataannya Peguam Negara ada berkata, dengan izin,

"The investigation is aimed at striking at the venomous elements who are out to discredit the judiciary and subvert justice in our beloved country. As Attorney-General and Public

Prosecutor, it is my duty and responsibility to ensure that the judiciary and the legal profession is cleansed of these treacherous elements who, by their vile insidious devious and scurrilous allegation in this pamphlet had sought to undermine the integrity of the judiciary and the administration of justice in this country. Today is Ides of March. But unlike that fateful day in ancient Rome when brutish beasts succeeded in killing Ceaser, today we launch this pre-emptive strike at these conspirators and insya-Allah, we will ferret them out, whoever they are, and bring them to justice."

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun Peguam Negara kini memberi satu gambaran bahawa beliau lebih berminat untuk melenyapkan seluruh isu ini. Ini bertentangan dengan semangat Mesyuarat Menteri-menteri Undang-undang Komanwel di Kuala Lumpur yang telah mengeluarkan satu communique mengakui peranan penting Badan Kehakiman yang bebas dan adil dalam demokrasi yang sihat.

Keputusan Peguam Negara untuk tidak mendakwa Hakim Mahkamah Tinggi yang telah mengakui menulis surat layang berkenaan termasuk keengganannya untuk memberikan nama Hakim Mahkamah Tinggi berkenaan serta kegagalan untuk menjelaskan bagaimana pihak polis dan BPR telah membersihkan nama 12 orang hakim yang terkandung dalam surat layang berkenaan, ini bukan sahaja tidak dapat melenyapkan isu integriti dan kebebasan Badan Kehakiman, malah membuatkan rakyat jelata lebih sangsi dan menyoalkan nama baik Badan Kehakiman.

Peguam Negara harus sedar bahawa rakyat Malaysia kini mengharapkan standard akauntabiliti yang lebih tinggi dari kerajaan termasuk dari Peguam Negara serta Badan Kehakiman dan bahawa beliau telah gagal memenuhi harapan orang ramai di dalam caranya

mengendalikan kes surat layang setebal 33 muka surat mengenai Badan Kehakiman ini.

Dalam mesyuarat hari pertama sesi Parlimen ini pada 8hb Julai semasa menjawab pertanyaan mulut saya mengenai hasil siasatan mengenai surat layang 33 muka surat yang mendakwa berlakunya korupsi salah guna kuasa dan salah laku dalam Badan Kehakiman, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri memberitahu Dewan ini dan saya petik:—

“Tuan Yang di-Pertua, siasatan mengenai surat layang setebal 33 muka surat tentang Badan Kehakiman tertumpu kepada aspek-aspek yang berikut:

- (i) mencari penulis surat layang itu;
- (ii) menentukan sama ada kenyataan yang terdapat dalam surat layang itu adalah benar; dan
- (iii) mencari siapa yang mengedarkan surat layang itu.”

Bagaimanapun apabila Peguam Negara mengadakan persidangan akhbar pada hari keesokan iaitu pada 9hb Julai dan mengumumkan keputusannya mengenai siasatan pihak polis dan BPR mengenai surat layang setebal 33 muka surat berkenaan, beliau tidak membangkitkan sebarang apa pun yang berkaitan dengan aspek penyiasatan pihak polis mengenai orang yang mengedarkan surat layang itu. Adakah ini bererti bahawa sama sepertimana Peguam Negara telah mengambil keputusan tidak mendakwa Dato' Syed Ahmad Idid yang merupakan satu-satunya Hakim Mahkamah Tinggi yang telah meletak jawatan baru-baru ini pada 1hb Julai dan bekas Hakim Mahkamah Tinggi ini telah mengakui bahawa beliau bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penulisan dan penerbitan surat layang berkenaan.

Peguam Negara juga telah mengambil keputusan bahawa tindakan pendedaran surat layang yang ditulis oleh Dato' Syed Ahmad Idid itu juga bukanlah salah di sisi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, minta sambung esok ya?

Tuan Lim Kit Siang: Baik, terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.30 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zainab binti Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

PERMOHONAN PAIP AIR AWAM UNTUK 5 KAMPUNG DI TANJUNG KIDURONG, BINTULU, SARAWAK

6.30 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu): Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita telah lama merdeka dan bebas dari kongkongan penjajah dan negara kita telah

melalui fasa pembangunan sehingga RMK-7 namun kita masih mendengar di sana sini cerita tentang kampung dan kawasan luar bandar yang masih belum menikmati sepenuhnya kemudahan asas untuk para penduduk seperti bekalan air bersih, elektrik, jalan raya, dewan, klinik dan sebagainya. Jika adapun ianya berada dalam keadaan daif dan serba kekurangan. Kaedah ini lebih ketara berlaku di Sabah dan Sarawak dan saya ingin sebutkan di sini, sebagai contoh apa yang berlaku di dalam kawasan saya di Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat 5 buah kampung di dalam kawasan Tanjung Kidurong, Bintulu iaitu Kampung Sebatang, Kampung Vokasional, Kampung Tengah, Kampung Roundabout, Kampung Hopeng dan Kampung Mujako. Jumlah penduduk di situ lebih kurang 2,000 orang dari 500 keluarga. Mereka bekerja dalam industri gas petroleum di Bintulu seperti Kilang MLNG I dan II, Sarawak Shell Bhd, ASEAN Bintulu Fertilizer, Bintulu Port, SMDS dan sebagainya di Tanjong Kidurong-13 kilometer dari pasar Bintulu. Mereka tidak mampu mendiami rumah sendiri

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada apa?

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Tidak cukup kuorum, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak cukup kuorum, tolong bilang. (*12 ahli*) -tidak cukup kuorum, sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira: kurang daripada 26 ahli hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab tidak cukup kuorum, maka saya tangguhkan Mesyuarat hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.33 petang.